




e-ADICITA

UiTM CAWANGAN JOHOR


Edisi 2/2023



4 PEGAWAI KEHORMAT
KESATRIA UiTM
CAWANGAN JOHOR



23 TANJAK UiTM
CAWANGAN JOHOR



50 BENGKEL PENYEDIAAN &
KEMASKINI SELF REVIEW
REPORT (e-SRR) UiTM
CAWANGAN JOHOR

eISSN 2976-2839



9 772976 283008

Terbitan Edisi 2, 2023
©Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Hakcipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam bentuk apa sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Majalah e-ADICITA

e-ISNN: 2976-2839

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor,
Jalan Universiti Off KM 12 Jalan Muar,
85000 Segamat,
Johor.
Tel: 07-9352000
Fax: 07-9352716

<https://johor.uitm.edu.my>

Majalah ini diterbitkan secara berkala setiap 4 bulan.
Dicetak di Malaysia.

SIDANG REDAKSI

Penaung:
Prof Madya Dr Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor

Penasihat:
**Dr. Faridah Najuna Misman,
Timbalan Rektor (PJI&A)**

Ketua Editor:
Siti Nordiyana Isahak

Editor Utama:
Datin Aryani Abdullah

Editor
Bahagian HEA:
Siti Fatimah Mohd Noh

Bahagian HEP:
Hussin Ab Mutalib

Bahagian PJI&A:
Norshahnadz Mohamed Ghulam

Bahagian Pentadbiran:
Nurulintan Shyazwaney Razali

Bahagian Pengurusan Fasiliti:
Maznah Salamin

Bahagian Infostruktur:
Mimi Hasliah Mohd Shahri

Pejabat Bendahari:
Mohd Fairol Ismangil

Pejabat Polis Bantuan:
Mohd Faiezal Bharum

Unit HEI:
Ustaz Rafiuddin Mohd Yusof

Unit Koporat:
Iqlil Dhaniah Mohamad

Unit Kualiti:
Siti Rahayu Sarman

PTDI:
Mohd Azmi Samsuri

Rekabentuk Kulit/dalaman:
Syamsul Firdaus Sardi

Sekretariat:
Nur Atiqah Abd Hamid

ISI KANDUNGAN

Sidang Redaksi	
Dari Meja Rektor	i
Kata Aluan Timbalan Rektor BPJIA	ii
Nota Editor	iii
Sorotan Aktiviti	1 - 9
Bahagian HEA	10 - 11
Bahagian HEP	12 - 27
Bahagian BPJIA	28 - 33
Bahagian Pentadbiran	34 - 35
Bahagian Pengurusan Fasiliti	36 - 39
Bahagian Infostruktur	40
Pejabat Bendahari	41 - 42
Unit UHEI	43 - 44
Unit Komunikasi Koporat	45 - 46
Polis Bantuan	47 - 49
Unit Pengurusan Kualiti	50 - 55
PTDI	56 - 57
Klik - Klik UiTMCJ	58 - 61

DARI MEJA REKTOR



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah Yang Maha Esa, Tuhan Semesta Alam. Saya bersyukur kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya diberikan sedikit ruang untuk menitipkan sepatah dua kata dalam Edisi Kedua Majalah e-ADICITA. Edisi pertama majalah ini telah berjaya diterbitkan secara digital dan bercetak pada 13 Februari 2023 yang lalu. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA di bawah penyelarasan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor kerana telah bekerja keras melaksanakan tanggungjawab dalam penerbitan majalah ini. Usaha ini wajar mendapat pujian kerana liputan majalah melibatkan aktiviti kedua-dua kampus UiTM Cawangan Johor iaitu Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang.

Penerbitan Majalah e-ADICITA merupakan salah satu daripada *Rector's Special Project (RSP)* yang telah saya gariskan apabila mendapat mandat menerajui UiTM Cawangan Johor. Saya melihat terdapat keperluan untuk mewujudkan satu sistem pengumpulan data dan maklumat melalui pelaporan yang ringkas tetapi jelas serta padat dan diterbitkan secara berkala oleh setiap bahagian/unit atau pejabat di UiTM Cawangan Johor. Penerbitan majalah ini sangat penting sebagai kayu pengukur dan menjadi satu indikator semak danimbang dalam pentadbiran saya. Selain untuk tujuan kewujudan (*visibility*) kampus, pelaporan sebegini membantu dalam penyediaan Laporan AKNC, MyRA dan sebagainya.

Dalam usaha membina imej UiTM Cawangan Johor sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang proaktif dan sentiasa dekat dengan masyarakat, saya percaya peningkatan kepada produktiviti dan daya saing yang sihat perlu seiring dengan proses pembinaan sikap dan karekter dalam mencintai ilmu. Mendepani medan persaingan global dan ledakan perubahan teknologi yang pantas, setiap warga UiTM Cawangan Johor perlu bersedia untuk mengadaptasi kesemua perubahan ini dan memastikan setiap indikator pembangunan menjadi lebih terancang, bersifat inklusif dan berpaksikan inovasi. Justeru transformasi penyampaian perkhidmatan perlu diperhalusi dengan baik supaya setiap pemegang taruh berpuas hati terhadap mutu perkhidmatan yang ditawarkan.

Dalam merangka dan menerbitkan majalah ini, ramai pihak yang telah memberi sumbangan, masa, tenaga dan ilmu. Dedikasi dan sumbangan yang dizahirkan ini adalah berteraskan matlamat yang sama iaitu memastikan penyampaian ilmu sampai kepada segenap peringkat usia. Semangat yang ditunjukkan ini, sekaligus mampu membuktikan kewujudan UiTM Cawangan Johor dalam menyumbang impak yang positif kepada masyarakat setempat di samping mendapat keyakinan dari pihak industri dan kepercayaan rakan strategik UiTM Cawangan Johor serta sistem UiTM keseluruhannya.

Dengan tulus ikhlas, saya mendoakan agar usaha ini diberkati Allah SWT. Semoga sumbangan ini dapat melahirkan lebih ramai warga UiTM Cawangan Johor yang bukan sahaja berketerampilan dari sudut ilmunya, tetapi mempunyai nilai tambah yang sentiasa bersedia dengan arus perubahan semasa.

Sekian, wassalam

PROF MADYA DR SAUNAH ZAINON
Rektor
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

KATA ALUAN TIMBALAN REKTOR BPJIA



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA kerana memberi ruang dan peluang untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam majalah ini. Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) telah berjaya menerbitkan Edisi Kedua Majalah e-ADICITA. Syabas dan tahniah juga saya rakamkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA dan semua pihak yang menunjukkan komitmen yang jitu dalam menjayakan penerbitan pertama majalah ini. Majalah e-ADICITA merupakan salah satu inisiatif di bawah *Rector's Special Project (RSP)* Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon bagi mendokumentasikan kesemua program-program yang berimpak di UiTM CJ.

Penerbitannya dilaksanakan secara berkala sebanyak 3 kali dalam setahun (4 bulan sekali). Pengumpulan bahan secara konsisten ini akan melestarikan sistem pelaporan yang lebih cemerlang serta efektif bagi membantu dalam penyediaan laporan utama universiti seperti Laporan AKNC, MyRA dan sebagainya. Malahan mutu perkhidmatan warga UiTM CJ juga dapat dipertingkatkan, di mana kewujudan majalah ini akan menjadi salah satu indikator semak dan imbang dalam pentadbiran Yang Berusaha Rektor.

Sistem pengurusan rekod yang baik, lengkap, sahih, mudah capai serta boleh digunakan akan memastikan integriti dan akauntabiliti penyampaian maklumat menjadi lebih efektif. Dasar Pengurusan Rekod UiTM yang telah dikeluarkan pada 18 November 2022 menyatakan "Rekod merupakan sumber maklumat dan dokumen bukti dalam melaksanakan urusan rasmi UiTM yang perlu diuruskan dengan cekap dan teratur. Sehubungan dengan itu, prinsip dan teras yang didokumenkan dalam Dasar Pengurusan Rekod UiTM perlulah dipatuhi oleh setiap staf di setiap PTJ". Pelaporan setiap bahagian/unit yang telah disediakan dalam majalah ini akan menjadi salah satu sumber tambahan kepada pengurusan rekod yang lebih cekap di UiTM CJ. Setiap pelaporan aktiviti akan lengkap dengan gambar-gambar dan perakuan penulisan yang menunjukkan kakitangan bukan akademik juga mampu menyumbang kepada penambahan bilangan penerbitan universiti.

Saya melihat tanggungjawab menyediakan modal insan yang baik bukan semata-mata diletakkan di bahu kakitangan akademik. Saya percaya melalui bentuk penulisan sebegini, walaupun ringkas ia secara tidak langsung membuktikan semua warga UiTM CJ bersedia membantu universiti menggarap segala maklumat menjadi satu susunan ilmu yang baik. Tahniah diucapkan buat semua penulis.

Penerbitan ini bukan sahaja membuktikan kewujudan (*visibility*) kampus, tetapi setiap karya penulisan dan aktiviti bergambar yang dimuatkan akan menjadi kenangan indah di samping peningkatan kepada bilangan penulisan karya dan penerbitan di UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ).

Sekali lagi, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa serta sidang redaksi majalah. Semoga usaha menerbitkan Majalah e-ADICITA diteruskan pada masa mendatang. Kepada pembaca majalah ini, semoga ia memberi manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

DR FARIDAH NAJUNA MISMAN
Timbalan Rektor
Bahagian Penyelidikan dan
Jaringan Industri
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

NOTA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bismilillahirrahmanirrahim. Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Majalah e-ADICITA telah berjaya diterbitkan. Selawat dan salam juga buat junjungan kita Nabi Muhammad SAW, utusan rahmat sekalian alam. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi atas usaha gigih dan khidmat yang tidak mengenal erti jemu bagi menyiapkan sekaligus merealisasikan penerbitan kedua Majalah e-ADICITA. Majalah ini telah diselaraskan di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor meliputi pelaporan untuk kedua-dua kampus, Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Merupakan salah satu inisiatif di bawah *Rector's Special Project (RSP)* Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon, majalah ini akan mengumpulkan laporan kesemua aktiviti dalam satu sistem pengumpulan yang lebih sistematik, bervisi serta menyumbang kepada peningkatan prestasi setiap warga UiTM CJ.



Merealisasikan usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah. Proses pengumpulan bahan memakan masa berbulan-bulan, setiap bahagian/jabatan/unit di UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) perlu peka terhadap aktiviti yang dilaksanakan dan memastikan pelaporan dibuat segera. Bagi memudahkan proses ini, setiap bahagian/jabatan/unit mempunyai seorang penyunting dan bertindak membuat suntingan di peringkat awal. Siapa sangka, kakitangan bukan akademik juga sangat cemerlang dalam bidang penulisan. Hal ini terbukti apabila, dapatan hasil pengumpulan hanya memerlukan sedikit sahaja sentuhan kakitangan akademik dalam proses penyuntingan. Ke kerap penerbitan majalah ini juga akan menjadi cabaran yang hebat buat sidang redaksinya. Dengan kadar penerbitan berkala sebanyak tiga (3) kali (empat (4) bulan sekali) dalam setahun, usaha pengumpulan perlu konsisten dan cekap. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua editor yang telah bertungkus lumus dan memastikan setiap gerak kerja yang dibuat dilaksanakan sebaiknya.

Saya percaya usaha penerbitan majalah ini, akan meningkatkan kredibiliti, kecekapan, akauntabiliti dan memastikan kelangsungan perkhidmatan yang disediakan untuk pemegang taruh UiTM CJ direkodkan sebaiknya. Manakala setiap bahagian/jabatan/unit pula perlu bergerak aktif menyediakan program/aktiviti yang memberi impak yang besar kepada UiTM CJ. Sekaligus, usaha kecil ini akan memberikan impak yang signifikan dalam memastikan nama UiTM Cawangan Johor terus berada di persada. Mewakili semua Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA, saya memohon ampun dan maaf andai terdapat kekurangan dan kelemahan dalam kandungan majalah ini.

Saya amat berharap usaha ini dapat diterjemahkan dan diterima dengan lebih baik pada masa akan datang melalui penerbitan edisi seterusnya. Buat warga UiTM Cawangan Johor, selamat membaca dan menikmati isi kandungan ilmu yang baru. Semoga setiap rekod dan susunan artikel dalam majalah ini akan menjadi kenangan indah buat anda semua. Terus maju UiTM Cawangan Johor.

Sekian, wassalam.

SITI NORDIYANA ISAHAK
Ketua Editor Majalah e-ADICITA
UiTM Cawangan Johor.

KARNIVAL KEUSAHAWANAN ZON SELATAN 2023 DAN BUSINESS MATCHING@KPT/ ENTREPRENEURIAL STRATEGIC COLLABORATION (ESC).

Penulis: Siti Nordiyana Isahak dan Dr Nur Fatimah Shaari.



Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta anjuran bersama *Malaysia Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)*, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) serta rakan strategik kementerian telah menganjurkan Karnival Keusahawanan Zon Selatan 2023 dan Business Matching@KPT/ *Entrepreneurial Strategic Collaboration (ESC)* pada 4 hingga 5 Januari 2023. Bagi penganjuran di Zon Selatan, UiTM Cawangan Johor telah terpilih menjadi tuan rumah dan program berlangsung di Dataran Sri Bendahara, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ). Program yang melibatkan 120 orang finalis beberapa program keusahawanan anjuran KPT ini, telah disertai pelbagai agensi tempatan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta di sekitar negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.



UiTM Cawangan Johor melalui Unit Keusahawanan MASMED telah ditugaskan menjadi urusetia dan berbesar hati menerima jemputan kunjungan dari 10 agensi KUSKOP iaitu Persatuan Pengusaha Nanas Johor, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, TEKUN Nasional, *SME Corporation Malaysia*, Bank Rakyat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), *Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)*, *SME Bank*, *Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI)*, dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Agensi-agensi tersebut telah terlibat dengan sesi pembentangan di mana antara topik yang dibincangkan adalah berkaitan pembiayaan perniagaan dan geran penyelidikan serta pengenalan francais dan skim pembiayaan francais.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Pelbagai aktiviti telah disusun bagi memeriahkan program karnival antaranya;

1. Sesi Lawatan Rasmi Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) – Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang.
2. Aktiviti jualan menggunakan platform *food truck*.
3. *Business Pitching* melalui slot *Business Matching@Kpt*.
4. *Entrepreneurial Strategic Collaboration (Esc)*.
5. Sesi Perkongsian Santai Usahawan Mentor – Puan Siti Aisah Hamim (Pengasas *Zafesha Simply*).
6. Forum Keusahawanan – 'Mendepani Pasca Endemik COVID-19: Bersediakah Usahawan Muda Melangkah ke Hadapan'.
7. Pertandingan *Band of The Band*, UiTM Cawangan Johor.
8. Senamrobik Perdana UiTM CJ.
9. Ceramah kesihatan – Sihat@PSKK: Bersukan Dalam Perspektif Islam

Antara lain program ini telah menjadi medium utama perkongsian maklumat berkaitan bantuan yang ditawarkan oleh agensi untuk mengembangkan perusahaan dan idea pelajar melalui pendanaan dan khidmat kepakaran, mewujudkan jaringan kolaborasi antara usahawan siswazah dan agensi serta antara usahawan pelajar dengan usahawan pelajar yang lain bagi mendukung teras kedua PTK IPT 2021-2025 iaitu kolaborasi berimpak tinggi. Selain itu, program ini juga menjadi tempat pertemuan antara usahawan-usahawan siswazah dan graduan dalam menyampaikan hasrat kepada kementerian serta agensi-agensi strategik bagi menyokong dan membantu perusahaan usahawan siswazah. Program ini telah mendapat sokongan jitu daripada Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon, Timbalan Rektor PJIA Dr Faridah Najuna Misman dan keseluruhan warga UiTM Cawangan Johor. Secara keseluruhan jumlah penyertaan peserta dan delegasi dari pelbagai agensi dan IPT adalah seramai 601 peserta dan turut mendapat sambutan hangat dari warga UiTM CJ sendiri.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Bagi memastikan program ini memberikan impak yang baik kepada peserta dan keseluruhan agensi yang terlibat, pihak urusetia telah menjalankan satu soal selidik ringkas pencapaian program. Seramai 91% peserta bersetuju jika karnival sebegini dianjurkan lagi pada masa hadapan. Hal ini kerana, karnival ini memberi banyak kebaikan kepada pelajar, melalui pendedahan tentang dunia keusahawanan sebenar, meningkatkan asas ilmu pengetahuan melalui program kolaborasi bersama agensi KUSKOP dan universiti sekaligus mampu membina keyakinan diri untuk bergelar usahawan kelak. Terima kasih diucapkan kepada KPT, KUSKOP, MASMED UiTM dan USM atas penganjuran yang berprestij ini.

MALAM APRESIASI MISI PASCA BANJIR SOUTHERN VOLUNTEERS.

Penulis: Siti Nordiyana Isahak dan Rosmah Abd Ghani@Ismail.

Southern Volunteers (SV) merupakan sebuah badan sukarelawan yang ditubuhkan khusus untuk anak jati negeri Johor. Badan yang dulunya dikenali sebagai Sukarelawan Darul Ta'zim (SDT) ini telah dijenamakan semula dengan menggunakan nama baharu iaitu *Southern Volunteers* dan telah berdaftar di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Matlamat utama penubuhan badan ini adalah untuk membuka ruang dan peluang bagi generasi muda/belia membuat kerja-kerja kesukarelawan. Tidak menghusus kepada bencana alam semata-mata organisasi ini telah melaksanakan pelbagai bentuk misi bantuan di seluruh negeri Johor. Sehingga kini lebih 23,000 orang telah berdaftar menjadi SV. Mereka terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang pendidikan berusia bermula 15 tahun sehingga ke 40 tahun.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Di UITM Cawangan Johor seramai lebih seribu orang pelajar telah mendaftar menjadi SV dan telah membantu masyarakat sekitar Daerah Segamat apabila bencana alam banjir melanda sekitar Mac lalu. Selain sumbangan kepada komuniti, UITM Cawangan Johor juga melaksanakan tanggungjawab sosialnya melalui penyediaan fasiliti penempatan dan tenaga kerja (sukarelawan dalam kalangan pelajar) kepada *Southern Volunteers*. Usaha dan komitmen jitu yang ditunjukkan oleh badan sukarelawan ini wajar dicontohi dalam menyumbang kepada kemakmuran masyarakat setempat.

Bencana banjir yang melanda Daerah Segamat sekitar Mac 2023 telah memusnahkan pelbagai harta benda penduduk. Bertindak pantas, satu misi bantuan pasca banjir terus dilaksanakan oleh SV bermula 8 hingga 12 Mac 2023 bagi Daerah Segamat. Kesemua SV telah ditempatkan di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Bagi menghargai usaha, penat lelah dan komitmen ahli Misi Pasca Banjir *Southern Volunteers* Negeri Johor 2023, satu majlis apresiasi dan makan malam telah dianjurkan di Blok Mutiara, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat pada 11 Mac 2023. Majlis ini dianjurkan oleh SV Daerah Segamat dan diadakan khusus sebagai tanda terima kasih dan penghargaan atas segala usaha yang telah digembleng ahli misi dalam melaksanakan tugas yang diberikan bagi membantu mangsa-mangsa banjir di lokasi terjejas.

Majlis ini telah dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' On bin Jabbar @ Ja'afar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan) bersama Yang Berbahagia Encik Masni Bin Wakiman, Pegawai Daerah Segamat, Yang Berbahagia Prof Madya Dr Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, Yang Mulia Ungku Mohd Tahir bin Ungku Mohd Zakaria, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat, Tuan Hj Mohd Johari bin Tarmidi, Ketua Pegawai Operasi Sekretariat SUKMA Johor dan Tuan Hj Mohd Helmi bin Dato' Hj Sha'ri, Pentadbir Tanah Daerah Segamat. Turut serta dalam majlis adalah Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), UITMCJ.

Memetik ucapan Yang Berhormat Dato', "Kami bersyukur pada kali ini dapat menempatkan sebilangan sukarelawan *Southern Volunteers* yang telah membantu rakyat Segamat yang diuji banjir. Sesungguhnya hanya Allah dapat membalas jasa kalian. Semangat yang ditunjukkan oleh kepimpinan tertinggi patut dicontohi". Sesungguhnya universiti dan masyarakat berpisah tiada. Dalam melaksanakan agenda pendidikan nasional, universiti juga perlu melaksanakan tanggungjawab sosialnya bagi menyantuni masyarakat setempat. Semoga usaha murni yang ditunjukkan oleh semua pihak ini dapat diteruskan pada masa hadapan dalam membantu masyarakat yang memerlukan. Syabas dan tahniah diucapkan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



**PEGAWAI KEHORMAT KESATRIA
UiTM CAWANGAN JOHOR TERUS BERDAYA MAJU.**
Penulis: Siti Nordiyana Isahak dan Norfariza Mohd Ali.

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) perlulah seimbang antara aktiviti pembelajaran dan aktiviti kokurikulum. Dengan dunia pekerjaan yang semakin mencabar dewasa ini, graduan yang dihasilkan haruslah mempunyai nilai-nilai daya tahan dan daya juang yang tinggi. Falsafah pendidikan negara menyatakan "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan". Mengambil intipati falsafah sebagai pedoman, usaha yang dilaksanakan ini mampu melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan dalam mencipta keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Oleh itu, kepelbagaian subjek yang ditawarkan di IPT mampu membentuk warganegara Malaysia yang lebih dinamik dalam sektor pendidikan dan menghasilkan graduan yang dikehendaki pasaran. Di universiti seperti UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) subjek-subjek kokurikulum yang ditawarkan telah menjurus kepada pembentukan jati diri pelajar dan telah dibantu oleh Unit Kokurikulum untuk melaksanakan semua proses P&P dan latihan. Salah satu subjek yang ditawarkan adalah kokurikulum Kesatria. Unit Kesatria merupakan Unit Kokurikulum pertama yang diwujudkan di UiTM berbangkit dari dua insiden demonstrasi oleh pelajar-pelajar di semua IPTA ketika itu termasuklah UiTM pada akhir tahun 1975 dan awal 1976. Bagi mengatasi masalah disiplin dan salah laku pelajar ketika itu, maka kokurikulum Kesatria ditubuhkan dengan objektif utamanya adalah menerapkan nilai-nilai disiplin yang tinggi dalam kalangan pelajar. Saban tahun bilangan pengambilan pelajar kokurikulum Kesatria telah bertambah sejajar dengan perkembangan UiTM. Kini lebih 30% pelajar UiTM merupakan ahli Kesatria dan bakinya adalah dari komponen kursus kokurikulum yang lain.

Di UiTM CJ, pelbagai usaha telah dipergiatkan bagi memastikan kokurikulum ini sentiasa relevan dengan peredaran masa. Pelajar-pelajar telah didedahkan dengan asas kenegaraan yang tinggi, ilmu, disiplin, aktiviti kesukarelawan dan latihan yang secukupnya bagi membentuk jati diri dan daya tahan yang baik. Malahan aktiviti melibatkan sumbangan kepada komuniti kerap dilaksanakan terutamanya ketika negeri Johor berdepan dengan bencana alam seperti banjir. Selain pelajar, Pegawai Kehormat Kesatria juga perlu mengikuti pelbagai kursus dan program bagi memantapkan kemahiran dan menambah nilai peranan mereka kepada pelajar.

Pada 07 Februari 2023 yang lalu, satu Majlis Rektor Bersama Pegawai Kehormat Kesatria UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah diadakan di Bilik Aula Bestari, UiTM CJ. Program anjuran Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar ini telah berlangsung dengan jayanya sekitar jam 2.30 petang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Puan Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dan telah dihadiri oleh Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Pegawai Kehormat Kesatria UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Puan Rektor dalam ucapannya menyambut baik usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi memartabatkan unit ini ke peringkat yang lebih baik. Melalui penglibatan kokurikulum Kesatria dalam membantu masyarakat setempat telah membawa nama baik UiTM CJ ke serata Negeri Johor. Selain ucapan perasmian Yang Berusaha Rektor, taklimat 'Protokol dan Hal Ehwal Kesatria UiTM' turut disampaikan oleh Lt. Kol. Ujud Pabil (KEST), Penolong Pendaftar Kanan (Kokurikulum). Ucapan terima kasih dan penghargaan turut dinyatakan oleh Yang Berusaha Rektor, atas segala komitmen yang telah ditunjukkan oleh kesemua Pegawai Kehormat Kesatria UiTM Cawangan Johor. Majlis berakhir dengan acara penyampaian hadiah dan bergambar.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



KUNJUNGAN HORMAT ERAT HUBUNGAN DALAM BIDANG PERTANIAN.

Penulis: Siti Nordiyana Isahak dan Rosmah Abd Ghani@lsmail.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Bidang pertanian merupakan salah satu bidang penting dalam menyumbang kepada pendapatan negara, perolehan eksport, pembekal sumber makanan utama negara mahupun menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Bagi industri berasaskan sumber, bidang ini telah menjadi pembekal utama bahan mentah. Selari dengan peranannya, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah pelarasan bagi meningkatkan daya saing sektor ini sekaligus membolehkannya berdepan dengan cabaran baru. Keseimbang dalam pembangunan pelbagai bidang perlu diberi perhatian. Di negara-negara luar, bidang pertanian sudah jauh ke hadapan dengan kepelbagaian teknologi, sumber dan inovasi yang dilaksanakan. Manakala di Malaysia bidang ini masih lagi ditakuk yang lama dan tidak menjadi bidang pilihan generasi muda masa kini.

Justeru, pihak universiti juga perlu mengambil langkah proaktif dalam membekalkan sumber modal insan utama negara. Ini kerana, sumber modal insan yang mahir dan berpengetahuan dalam bidang pertanian amat diperlukan dalam usaha memajukan dan meningkatkan hasil keluaran dalam sektor pertanian. UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) juga berbesar hati untuk menyahut hasrat kerajaan ini melalui pelaksanaan beberapa projek berasaskan bidang pertanian antaranya Projek Kebun Angkat Nanas MD2 Kerajaan Negeri Johor - LPNM – MASMED UiTM CJ, Projek Dusun Durian UiTM CJ, Penanaman Cili Fertigasi dan Projek Laksamana Nektar (ternakan kelulut). Kesemua projek yang dinyatakan mendapat tajaan dari beberapa agensi kerajaan antaranya, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), *Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)*, Jabatan Pertanian Negeri Johor dan turut mendapat sokongan dari Pejabat Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar.

Bagi memperhebatkan lagi usaha dan melihat hala tuju sebenar bidang ini di Negeri Johor, satu Kunjungan Hormat ke pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar telah dilaksanakan pada 18 Januari 2023. Delegasi UiTM CJ diketuai oleh Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dan turut disertai oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Koordinator Korporat dan Pegawai Khas Rektor. Delegasi UiTM CJ telah disambut oleh Yang Berhormat Dato' Zahari Sarip bersama beberapa pegawai dari Jabatan Pertanian Negeri Johor dan telah berlangsung dengan jayanya di Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar. Antara lain fokus kunjungan hormat adalah membincangkan usul dan cadangan Projek Dusun Angkat Kolaborasi antara UiTM CJ dan Kerajaan Negeri Johor bagi projek Dusun Durian Segar Amat UiTM CJ di Kampus Segamat.

Melalui kunjungan hormat ini juga, YB Exco turut menyatakan sokongan terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak universiti dalam bidang pertanian. Bersesuaian dengan usaha kerajaan negeri untuk menjadikan Daerah Segamat sebagai hub baru agromakanan utara Johor. Semoga pelaksanaan usaha ini dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran dalam bidang pertanian sekaligus menjamin sekuriti makanan di negeri Johor khasnya sentiasa mencukupi. Terima kasih diucapkan kepada pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Negeri Johor atas kesudian menerima kunjungan hormat dari Pengurusan Tertinggi UiTMCJ.



MoU BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT.

Penulis: Siti Nordiyana Isahak.

Kewujudan sesebuah universiti memberikan impak yang besar terhadap pembangunan sesebuah kawasan. Bagi melengkapkan peranan universiti, jalinan kerjasama perlu berlaku dengan pihak berkuasa tempatan sebagai pemudahcara dan pihak industri sebagai jentera pertumbuhan dan perubahan yang signifikan. Kolaborasi yang wujud akan meningkatkan nilai tambah terhadap pertumbuhan dan memberikan kesan limpahan yang baik kepada masyarakat sekeliling menerusi pembangunan modal insan yang lebih berkualiti dan penyediaan fasiliti bertaraf industri. Sumbangan universiti juga tidak dapat dinafikan apabila banyak agenda khidmat masyarakat tempatan dapat dilaksanakan dalam pelbagai bentuk.



Bagi UiTM Cawangan Johor (UITMCJ) hubungan dengan kerajaan tempatan sentiasa dijaga. Hal ini terbukti apabila banyak program-program melibatkan kedua-dua organisasi ini telah memberikan kesan yang baik kepada komuniti setempat. Strategi perkongsian yang diamalkan telah membawa manfaat kepada pelbagai golongan masyarakat terutamanya dalam bidang pendidikan, pembangunan komuniti mahupun perkongsian pintar dalam pelbagai arena. Justeru bagi mengukuhkan lagi jalinan kerjasama kedua-dua organisasi ini, satu *Memorandum of Understanding (MoU)* antara UiTM dan Majlis Perbandaran Segamat (MPS) telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Mac 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, MPS. Majlis dimulakan dengan ucapan Yang Mulia Ungku Mohd Tahir Ungku Mohd Zakaria, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat dan diteruskan dengan ucapan Yang Berusaha Rektor UiTM CJ, Prof Madya Dr Saunah Zainon. Sesi menandatangani memorandum telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Rektor UiTM CJ, Prof Madya Dr Saunah Zainon bagi pihak UiTM manakala Yang Mulia Ungku Mohd Tahir Ungku Mohd Zakaria bagi pihak MPS. Turut hadir ke majlis adalah, Encik Muhammad Yusof Md Esa, Setiausaha MPS, Barisan Ahli Majlis MPS dan Barisan Pengurusan Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM CJ. Semoga jalinan kerjasama ini terus berkekalan dan membawa manfaat kepada semua pihak.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

HEA

HAL EHWAL AKADEMIK

2023

BHEA DALAM PROGRAM MISI AKADEMIK SEPANJANG TAHUN 2022.

Penulis: Encik Shaiful Anuar bin Sabu



Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM Cawangan Johor mengambil pendekatan pro-aktif dalam menyantuni bakal pelajar UiTM dengan menyertai Program Misi Akademik atau Selangkah ke IPT anjuran Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Negeri Johor.

Antara lokasi Misi Akademik ini diadakan adalah seperti di Dewan Orang Ramai Sri Medan, Batu Pahat, Plaza Angsana, Johor Bahru, Universiti Tun Hussin Onn (UTHM), Batu Pahat, Segamat Sentral, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Lalang, Kluang. Penyertaan BHEA dalam Misi Akademik ini membolehkan segala persoalan pelajar berhubung dengan kelayakan akademik, pemilihan program, kampus negeri dan pelbagai lagi persoalan dari pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan lain-lain kelulusan dapat dijawab terus oleh pegawai BHEA yang bertugas.

Semoga dengan penyertaan BHEA bersama Unit Korporat, UiTM Cawangan Johor dan juga Bahagian Pengambilan Pelajar UiTM Shah Alam ini dapat memberikan maklumat secara langsung serta lebih jelas kepada bakal pelajar UiTM.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



Massive Open Online Courses (MOOC) ialah kursus dalam talian yang disasarkan untuk penyertaan tidak terhad dan akses terbuka melalui internet. Di UiTM Cawangan Johor, (UiTM CJ) pembangunan MOOC telah diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan telah diselia oleh Unit e-Pembelajaran. Sebanyak 4 MOOC untuk PI013 telah diamanahkan pada tahun 2022. Selanjutnya bagi tahun 2023, sebanyak 6 MOOC telah dikenalpasti; terdiri daripada 2 MOOC bagi Kampus Segamat dan 4 MOOC bagi Kampus Pasir Gudang.

Beberapa sesi perkongsian pakar telah dilaksanakan pada tahun ini. UiTM Cawangan Pahang, UiTM Cawangan Terengganu, UiTM Cawangan Perak dan UiTM Cawangan Pulau Pinang adalah merupakan antara kampus cawangan yang mengungguli jumlah penghasilan dan kualiti MOOC serta *Micro-Credentials (MC)* dalam beberapa tahun ini. Satu program penerangan mengenai MOOC telah dianjurkan oleh ICEPS UiTM bermula 6 Februari 2023 dan mengkhusus kepada penyertaan semua koordinator cawangan dan ketua pembangun MOOC. Program ini memberikan tumpuan kepada sesi perkongsian pencapaian MOOC dan MC tahun 2022. Garis panduan, proses penyuntingan video dan penggunaan sistem M-TRACK serta UFUTURE ditekankan pada hari kedua. Akses istimewa dengan menu tambahan berbeza kepada sistem ini hanya diberikan kepada koordinator dan ketua-ketua pembangun.

Diharapkan warga UiTM CJ bakal mendapat sedikit idea berkenaan proses pembangunan MOOC dan MC serta dapat menyimpan minat untuk beramai-ramai menyumbang bagi melengkapkan pembangunan MOOC dan MC. Jadual sesi latihan dan perkongsian akan diwar-warkan kelak melalui email oleh Ts. Dr. Ahmad Faiz Bin Ghazali, Koordinator Unit ePembelajaran bagi Kampus Segamat manakala Encik Norhisyam Jenal, Koordinator Unit ePembelajaran bagi Kampus Pasir Gudang.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KURSUS MASTER TRAINER
MERANCAKKAN PENCAPAIAN
MASSIVE OPEN ONLINE COURSES (MOOC)
UiTM CAWANGAN JOHOR
Penulis: Ts. Dr. Ahmad Faiz Bin Ghazali



HEP

HAL EHWAL PELAJAR

2023

KEJOHANAN SILAT OLAHRAGA TERBUKA MAPO CUP

Penulis: Siti Sakinah Ismail dan Nursyalin Mohamed Bakri.

Kejohanan Silat Olahraga Terbuka MAPO Cup telah diadakan di Mou Resort, Muar Johor pada 2 hingga 4 Disember 2022 yang lalu. Kejohanan ini telah dianjurkan oleh Pesaka Muar dan Pesaka Johor dan disertai oleh pelbagai persatuan, agensi, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah. Seramai sepuluh (10) orang pelajar dari UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat yang terpilih telah dihantar bagi menyertai kejohanan pada kali ini. Selain untuk tujuan pendedahan kepada atlet, kejohanan ini juga merupakan salah satu platform persediaan atlet ke Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) 2023. Alhamdulillah pencapaian cemerlang telah ditunjukkan oleh semua atlet yang terlibat apabila 2 pingat emas dan 2 pingat gangsa telah dibawa pulang. Semoga usaha-usaha ini akan meletakkan UiTM Cawangan Johor pada landasan yang tepat dalam memajukan sukan tempur.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MOBILE LEGEND CAMPUS BATTLE UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis: Siti Sakinah Ismail dan Nursyalin Mohamed Bakri.



Sukan esports bukanlah asing lagi dalam kalangan rakyat Malaysia. Sukan ini telah menjadi salah satu sukan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Siapa sangka dengan hanya bermain 'game' secara dalam talian, atlet-atlet ini mampu mendapatkan pulangan yang lumayan. Malahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, hadiah yang dipertandingkan kadang-kala mencecah ratusan ribu ringgit dengan tajaan oleh syarikat-syarikat gergasi antarabangsa.

Justeru, UiTM Cawangan Johor harus mempergiatkan usaha bagi memberi pendedahan terhadap sukan ini, melalui penganjuran pertandingan, bengkel mahupun membawa atlet menyertai sukan berpotensi tinggi ini ke peringkat yang lebih tinggi.



Seramai 131 orang pelajar UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah menyertai pertandingan esports ini yang diadakan di Bilik Seminar Bangunan Sri Bendahara. Matlamat utama kejohanan ini dianjurkan adalah untuk pencarian bakat baru dan saranan Naib Canselor UiTM untuk melaksanakan 'Sporting Campus' serta pencapaian PI Unit Sukan 2023; 'Students Involvement in Sports Industry'. Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Cik Siti Sakinah Ismail Pegawai Sukan UiTM Cawangan Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KEJOHANAN TAEKWONDO ANTARABANGSA PULAU PANGKOR 2022

Penulis: Siti Sakinah Ismail dan Nursyalin Mohamed Bakri.

Sukan *taekwondo* merupakan antara sukan dalam kategori seni tempur yang berasal dari salah sebuah negara di Asia Timur iaitu Korea. Seni tempur ini begitu bersistematik dan mempunyai elemen saintifik yang tinggi selaras dengan kemahiran tempur secara fizikal serta mempunyai nilai jati diri dan disiplin yang tinggi. Sukan ini mempunyai reputasinya yang tersendiri apabila turut menjadi acara di beberapa Sukan Olimpik. Oleh itu, pendedahan kepada sukan ini amatlah perlu dalam kalangan atlet di UITM Cawangan Johor (UITMCJ) bagi memastikan mereka senantiasa siap siaga dalam sebarang penganjuran sukan di peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Pada 10 Disember 2022 yang lepas, seramai 29 orang pelajar dan 2 orang pegawai telah menyertai Kejuhanan *Taekwondo* Antarabangsa Pulau Pangkor 2022. Kejuhanan ini merupakan anjuran Kelab *Taekwondo* AELMA dan telah disertai oleh pelbagai institusi dalam setiap kategori yang dipertandingkan. Dengan pencapaian yang membanggakan 3 Emas, 5 Perak dan 13 Gangsa, kejuhanan ini turut menjadi landasan kepada pemilihan atlet ke Karnival Sukan Mahasiswa UITM (KARISMA). Usaha ini sekaligus menepati pencapaian petunjuk prestasi (PI) Unit Sukan iaitu penyertaan sukan pelajar di peringkat kebangsaan / antarabangsa serta memberi pendedahan kepada pelajar ke pertandingan sukan antarabangsa. Di kejuhanan ini sumbangan pingat emas telah diperolehi daripada saudara Tun Fauzul Adzim Bin Mohamed Zaidi (*Poomsae*), Nur Akmal Alia Binti Ahmad Mazlan (*Poomsae*) dan Nur Athira Suraya Binti Sa'id (*kyorugi*).

SENAMAN PAGI DAN CERAMAH SUKAN 'YOUR HEALTH IS YOUR WEALTH'

Penulis: Siti Sakinah Ismail dan Nursyalin Mohamed Bakri.



Bersempena kempen gaya hidup sihat, Program Senaman Pagi telah diadakan di Dataran Sri Bendahara, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) dengan penyertaan seramai 120 orang warganya pada 5 Januari 2023 yang lalu. Program ini merupakan anjuran Unit Sukan dengan kerjasama Unit Keusahawanan MASMED dan Persatuan Sukan Kakitangan dan Kebajikan (PSKK) serta mendapat bantuan pelajar-pelajar praktikal dari Unit Sukan. Turut serta memeriahkan program adalah Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Timbalan Ketua Pustakawan dan Pengerusi PSKK. Dengan objektif membudayakan gaya hidup sihat, mengeratkan silaturahim, dan meningkatkan 'happiness index' warga UiTMCJ, program ini telah mendapat sambutan hangat. Rata-rata peserta meminta agar program sebegini diadakan lagi pada masa akan datang.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Sejurus selesai 'Program Senaman Pagi', satu ceramah sukan turut dilaksanakan bertajuk 'Your Health is Your Wealth' pada jam 10.00 pagi. Penceramah jemputan adalah Prof Madya Zulkifli Kadir, mantan pensyarah Fakulti Sains dan Sukan UiTM Shah Alam. Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Pengerusi PSKK dan Pegawai Sukan. Antara intipati ceramah adalah penekanan kepada pendekatan holistik dalam meningkatkan tahap kesihatan. Beberapa elemen penting perlu menjadi matlamat utama dalam mencapai amalan gaya hidup yang sihat bermula daripada pemilihan makanan, masa pengambilan makanan, aktiviti fizikal, waktu rehat/tidur yang optimum serta jenis-jenis senaman yang bersesuaian untuk setiap peringkat umur. Prof. Madya Zulkifli Kadir juga turut menganjurkan pelbagai saranan amalan gaya hidup sihat yang mampu memberi kesan 'longevity' dan bagaimana amalan terbaik bagi meningkat potensi diri dari sudut sukan.

Pendedahan kepada pengurusan acara sukan mampu melahirkan pemimpin yang dapat merancang, mengawal, mengkoordinasi sekaligus menguruskan sesebuah acara dengan lebih efisien dan produktif. Malahan menerusi latihan pengurusan yang berterusan di peringkat universiti, pelajar-pelajar akan mendapat pendedahan kepada bidang perniagaan berasaskan pengurusan acara dan sekaligus menyediakan mereka dengan dunia pekerjaan yang sebenar. Pada 24 hingga 26 Februari 2023 yang lalu, seramai sepuluh (10) orang pelajar Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP), UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah menyertai Konvensyen Pengurusan Sukan Pelajar UiTM 2023 yang berlangsung di UiTM Shah Alam. Konvensyen ini memperkasakan pelajar dengan pelbagai input pengurusan acara sukan serta pelbagai pengetahuan sukan untuk diaplikasikan di kampus masing-masing, membudayakan iDART dalam kalangan mahasiswa, serta melahirkan mahasiswa holistik. Selain mampu membina jaringan hubungan yang baik antara pelajar, konvensyen ini menyediakan ruang dan peluang untuk berkongsi pendapat dan melontarkan idea-idea terbaik bagi pembangunan sukan di UiTM khususnya. Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM serta Pengarah Pusat Sukan UiTM.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KONVENSYEN PENGURUSAN SUKAN PELAJAR UiTM TAHUN 2023

Penulis: Siti Sakinah Ismail dan Nursyalin Mohamed Bakri.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Ketandusan bakat dalam beberapa acara sukan telah menyebabkan pungutan pingat di beberapa kejohanan sukan peringkat UiTM khususnya makin merosot. Menyedari situasi ini boleh menjejaskan imej pembangunan sukan di UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ), pelbagai usaha giat dilaksanakan bagi memastikan bakat-bakat yang digilap sentiasa bersedia untuk di hantar ke kejohanan/acara yang di pertandingan. Bagi sukan badminton, satu program yang dinamakan *Smash Up Mini Badminton Games* UiTM Cawangan Johor telah dilaksanakan pada 2 Februari 2023 yang lalu bertempat di Dewan bandaraya Seri Alam, Pasir Gudang. Program yang dianjurkan oleh Unit Sukan, UiTM CJ, Kampus Segamat ini bertujuan untuk mengilap bakat-bakat baru dalam kalangan staf UiTM CJ di kedua-dua kampus. Selain pencarian bakat baru bagi mewakili UiTM CJ di Kejohanan Karnival Sukan Staf UiTM (KARISTA), program ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara staf.

SMASH UP MINI BADMINTON GAMES UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis: Siti Sakinah Ismail dan Nursyalin Mohamed Bakri.

EXPLORACE PROGRAM MINGGU DESTINI SISWA (MDS)

Penulis: Siti Sakinah Ismail dan Nursyalin Mohamed Bakri.

Minggu Destini Siswa (MDS) merupakan minggu orientasi pelajar yang dikhaskan kepada pelajar-pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi membantu pelajar-pelajar baru mengenali universiti mereka dan sekaligus memberi pengalaman yang menyeronokkan. Pelbagai program telah dirancang yang dibantu oleh pelbagai bahagian/unit dan Pembantu Mahasiswa (PM) di setiap cawangan bagi membekalkan seberapa banyak informasi kepada pelajar dan membantu mereka untuk lebih bersedia sebelum memulakan sesi pembelajaran di kampus. Salah satu aktiviti yang dilaksanakan adalah *Explorace Program*. Aktiviti ini telah dianjurkan oleh Unit Sukan dan telah berlangsung dengan jayanya pada 14 Mac 2023. *Explorace Program* telah disertai oleh kesemua pelajar-pelajar baru pengambilan Mac 2023 dan berlangsung di sekitar UiTM Cawangan Johor. Pelbagai aktiviti dilakukan seperti permainan tradisional, sorakan sukan, dan pada masa yang sama pelajar didedahkan dengan persekitaran di UiTM Cawangan Johor. Aktiviti sebegini mampu menguji daya ketahanan mental serta fizikal setiap peserta dan telah dilaksanakan secara berkumpulan. Setelah itu, acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Unit Sukan, UiTM Cawangan Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

UiTM FOOD BANK DI UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis : Siti Nor Hadijah Md Supaat



Program *Food Bank* UiTM Cawangan Johor telah beroperasi sepenuhnya mulai 1 Januari 2023 dengan nama *FOOD CART*. Pada fasa permulaan, penerima difokuskan kepada pelajar dengan pendapatan isi rumah keluarga sebanyak RM1000.00 sebulan ke bawah, pelajar golongan asnaf (fakir, miskin, mualaf, fisabilillah atau ibnu sabil) dan pelajar yang sangat memerlukan bantuan makanan.



Pelajar dibenarkan mengambil mana-mana 5 jenis barangan setiap kali pengambilan mengikut kuantiti yang dibenarkan dengan kekerapan sekali seminggu. Waktu operasi ialah pada setiap hari bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di Aras Bawah, Bangunan Sri Bendahara. Pelbagai barangan kering seperti mee segera, biskut, minuman 3 in 1, sardin, bubur, air kotak dan lain-lain lagi disediakan untuk memenuhi keperluan pelajar.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar sangat mengalu-alukan sumbangan badan korporat, pemain industri sektor pemborongan, peruncitan dan katering serta orang perseorangan bagi memastikan kelangsungan operasi *FOOD CART*. Semoga usaha-usaha ini dapat membantu pelajar-pelajar yang dalam kesusahan bagi meneruskan kelangsungan hidup di kampus.

EMOTIONAL AND WELLBEING PROGRAM: MAKE YOUR MIND PRIORITY

Wan Noradila binti Wan Mohd Zain,

Pada 5 Januari 2023, Kokurikulum Kaunseling Rakan Sebaya 2 dengan kerjasama Unit Kerjaya & Kaunseling telah mengadakan *Emotional & Wellbeing Program: Make Your Mind Priority* melibatkan 268 orang pelajar di Dewan Kuliah LT 1. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan tentang konsep motivasi, konsep memperkasakan diri untuk kesejahteraan mental dan emosi. Program ini juga dilaksanakan dengan harapan dapat meningkatkan keyakinan pelajar dan kemampuan diri mengendalikan hidup dengan lebih produktif dan positif.



Pelbagai pengisian dijalankan antaranya Ceramah 'How to Handle Stress', saringan minda sihat melalui ujian 'DASS' serta aktiviti latihan dalam kumpulan (LDK) seperti *stress activity (stress ball & stress balloon)*, *art therapy (draw your feeling)* dan *mindfulness activity (deep breathing technique)*. Penganjuran program ini mampu membina daya tahan diri pelajar, memupuk kesedaran kesihatan mental, sekaligus mampu berkongsi ilmu yang dipelajari berkaitan kesihatan mental dengan rakan sebaya yang lain.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

GOTONG-ROYONG MENGECAT DAN MEMPERBAIKI AMPAIAN DI KOLEJ KEDIAMAN

Penulis : Noryasmin binti Zulkarnain.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Aktiviti gotong-royong dapat memupuk semangat dan nilai kerjasama yang utuh serta memudahkan tugas sesebuah organisasi. Namun, untuk mengatur perjalanan sesebuah aktiviti seumpama ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana memerlukan semangat kerjasama yang tinggi, kemahiran mengurus dan mendengar arahan dengan baik serta dilaksanakan secara sukarela. Bak kata pepatah melayu 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh', aktiviti gotong-royong jika dilaksanakan dengan semangat kesukarelawan yang tinggi mampu menjimatkan masa dan memupuk semangat kerjasama.

Pada 27 dan 28 Februari 2023, seramai enam (6) orang staf Pengurusan Kolej Kediaman C, telah menjalankan kerja-kerja mengecat dan menggantikan kawat ampaian yang telah rosak dan uzur. Keadaan tiang ampaian di Blok Intan, Kolej Kediaman C ini telah berlumut dan berkarat. Terdapat juga kawat ampaian yang telah putus atau kendur yang perlu diperbaiki. Kerja-kerja gotong-royong mengecat dan memperbaiki ampaian ini dijalankan bagi memastikan kemudahan berada dalam keadaan baik. Kos keseluruhan bagi kerja-kerja berkenaan berjumlah RM 456.00.

KEMPEN DERMA DARAH UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis : Puan Rosmawati Rosnan



Menderma darah bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan warga UiTM Cawangan Johor (UITMCJ). Aktiviti ini merupakan acara tahunan yang telah dilaksanakan dengan jayanya saban tahun. Menderma darah bukan sahaja mampu membantu pesakit yang memerlukan, malahan dapat juga menjaga kesihatan si penderma. Pada 4 Januari 2023 sekali lagi Program Derma Darah UITMCJ telah diadakan sekitar jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Unit Kesihatan, UITMCJ, Kampus Segamat .

Program ini merupakan program anjuran bersama 'Tabung Darah Hospital Segamat' dan akan diadakan pada setiap semester. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan pelajar dan warga UiTM bagi sama-sama menyumbang ke arah masyarakat yang sihat dan cergas supaya kita dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih sempurna demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Sambutan yang diberikan amat menggalakkan dengan kehadiran penderma seramai 137 orang terdiri daripada pelajar dan staf UiTM. Walau bagaimanapun hanya 90 beg darah berjaya dibawa pulang oleh pihak Tabung Darah.

BENGGEL KEMAHIRAN ASAS PERTOLONGAN CEMAS DAN CARDIOPULMONARY RESUSCITATION (CPR)

Penulis : Dr Shafinaz Makmor,

Pada 7 Februari 2023, Unit Kesihatan, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah dijemput oleh Kolej Pengajian Kejuruteraan Kimia untuk menyampaikan Taklimat Pertolongan Cemas dan Demonstrasi *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) bertempat di Perpustakaan Tun Dr Ismail.

Taklimat ini telah disertai oleh 22 orang peserta terdiri daripada para pensyarah dan penolong jurutera. Taklimat dibahagikan kepada 3 sesi iaitu teknik pembebatan bagi balutan luka (*bandaging*), pengenalan peti pertolongan cemas dan *demonstrasi Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR).

Diharapkan dengan adanya taklimat ini dapat memberikan sedikit sebanyak pengetahuan dan melatih staf agar dapat menangani kes-kes kecemasan yang berlaku di makmal dan lain-lain tempat.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



TANJAK UiTM CAWANGAN JOHOR.

Penulis : Nazarudin bin Zakaria.

Unit Kebudayaan dan Kesenian, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah menyahut saranan oleh Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dalam Amanat Tahun Baharu beliau tempoh hari iaitu 'Satu (1) Unit Satu (1) Program/aktiviti Penjanaaan Pendapatan' dengan menubuhkan 'Produksi Kraf Membuat Seni Kraf Tanjak / Tengkolok Melayu'. Melalui usaha ini, setiap penghasilan produk siap akan dijual kepada seluruh warga UiTM dan pihak luar sebagai cenderamata.

Bengkel Produksi Tanjak UiTM Cawangan Johor telah pun dilaksanakan bermula Disember 2022 dan masih berterusan sehingga kini melalui beberapa siri penganjuran. Bengkel ini melibatkan staf Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) seramai 15 orang. Objektif utama bengkel ini adalah memberi maklumat tentang halatuju seni kraf Melayu di samping sebagai satu inisiatif unit ini untuk mempunyai satu produk sendiri yang boleh dikomersilkan hingga ke peringkat lebih tinggi. Secara tidak langsung, minat warga kampus dan masyarakat dalam membudayakan imej tradisional, seni budaya dan tradisi bangsa Melayu dapat dipertingkatkan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

UNI-NATURE RUN @ SEGAMAT 2023

Penulis: Muhammad Noriman Bin Mohd Ali

Amalan gaya hidup sihat telah menjadi salah satu agenda nasional melalui Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Melalui usaha ini, sebanyak 31 *Wellness Hub* telah ditubuhkan dan sedang beroperasi sepenuhnya di bandar dan luar bandar seluruh Malaysia. Program *Wellness Hub* ini merupakan salah satu cara bagi merealisasikan hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mewujudkan rakyat Malaysia Madani yang peka dan prihatin terhadap aspek kesihatan. Menyahut saranan oleh kementerian, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) telah mempergiatkan usaha bagi memastikan setiap warganya terus mengamalkan gaya hidup sihat.

Memulakan tahun baharu 2023, Unit Kokurikulum, Majlis Perwakilan Komander Kesatria (MPKK) dan Persatuan Briged Sukarelawan UiTM CJ telah menganjurkan satu acara larian yang dinamakan *Uni-Nature Run @ Segamat 2023* pada 7 Januari 2023 yang lalu yang telah disertai hampir 4000 orang peserta. Sebagai salah usaha mewujudkan amalan gaya hidup sihat, objektif utama program ini adalah melahirkan generasi pelajar yang aktif dan berintegriti dalam usaha untuk membentuk pelajar yang bijak mengimbangi prestasi dan keperluan kokurikulum.

Pelepasan peserta larian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Rektor UiTM CJ, Prof Madya Dr Saunah Zainon. Program yang berimpak dan melibatkan jumlah peserta yang ramai ini telah dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama padu semua pihak di kampus dan juga agensi luar. Terima kasih tidak terhingga atas sokongan serta komitmen semua pihak terutama Yang Berusaha Rektor Prof. Madya Dr Saunah Zainon, Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Unit Kesihatan, Polis Bantuan, PDRM IPK Daerah Segamat, Pejabat Kesihatan Daerah Segamat dan semua pihak yang membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Majlis Jalinan Ukhuwah Komander (JUKOM) dan *Hi-Tea* telah diadakan pada 07 Januari 2023 bertempat di *Lecturer Theater 2*, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ), Kampus Segamat. Majlis yang mendapat tajaan sepenuhnya daripada para Alumni Komander Johor ini telah melibatkan penyertaan dari para alumni, penasihat dan Majlis Perwakilan Komander Kesatria (MPKK), Batalion 6, UiTM CJ. Antara objektif program ini adalah merapatkan lagi ukhuwah antara alumni dan MPKK sekaligus membuka lebih banyak ruang kerjasama yang dapat dimanfaatkan kelak oleh ahli komander. Pelbagai pengisian menarik telah dikongsikan dalam sesi ceramah serta perkongsian ilmu daripada para alumni tentang peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan dan skop kerja yang boleh diterokai selepas bergraduasi kelak. JUKOM pada kali ini memberi impak yang besar kepada ruang kerjasama dan merapatkan silaturahim sesama ahli. Semoga usaha ini berterusan kerana kebanggaan bergelar alumni komander telah menjadi satu penyemaian identiti yang bukan sahaja mampu memberi manfaat kepada universiti, malah masyarakat setempat juga boleh mendapat manfaatnya.

Jalinan Ukhuwah Komander (JUKOM) & HI-TEA

Sesi Sual Kenal | Jamuan Makan

Sabtu | 7 Januari 2023

2:00 p.m.

Lecture Theater 2 & Glass House

Ruang Parkir

Sebarang pertanyaan:

017-7705910/Syuhadi | @jengking_johor
 011-21687056/Batrieyyal | @alumni_jengking_johor

Detaran Sri Bendahara



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MAJLIS JALINAN UKHUWAH KOMANDER (JUKOM).
 Penulis: Muhammad Noriman Bin Mohd Ali.

MAJLIS PENUTUP PERKOM KO

Penulis: Muhammad Noriman Bin Mohd Ali.



Pada 13 Januari 2023, Majlis Perwakilan Komander Kesatria (MPKK), Batalion VI telah mengadakan Majlis Penutup Pertandingan Kompeni Kokurikulum Beruniform (PERKOM KO) 2022 yang bertempat di Padang Kawad, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat dengan kerjasama Unit Kokurikulum UiTMCJ Kampus Segamat. Majlis penutup ini telah dirasmikan oleh Brig. Jen. Prof. Madya Dr. Saunah Zainon (KEST), Rektor UiTMCJ. Majlis ini juga diserikan lagi dengan kehadiran Kol. Dr. Basaruddin Shah Basri (KEST) selaku Timbalan Rektor HEP serta para ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN).



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Antara pengisian majlis adalah sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi setiap acara yang telah disampaikan oleh Yang Berusaha, Rektor. Bagi juara keseluruhan Pertandingan PERKOM KO 2022 ini disandang oleh Kompeni Kesatria Kembara diikuti oleh Kompeni *Charlie* Kesatria Negara sebagai naib johan. Bagi tempat ketiga pula telah disandang oleh Kompeni *Foxtrot* Kesatria Negara. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pelajar kokurikulum semester 1 kerana telah bersama-sama melibatkan diri dalam PERKOM KO 2022.

MAJLIS REKTOR BERSAMA PEGAWAI KEHORMAT KESATRIA

Penulis: Muhammad Noriman
Bin Mohd Ali



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Majlis Rektor Bersama Pegawai-pegawai Kehormat Kesatria 2023 telah diadakan pada 07 Februari 2023 di Bilik Aula Bestari, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ), Kampus Segamat. Yang Berusaha Rektor, Brig. Jen. Prof. Madya Dr. Saunah Binti Zainon (KEST), telah merasmikan majlis yang turut dihadiri oleh semua JKEN dan Barisan Pegawai-pegawai Kehormat Kesatria. Selain ucapan perasmian Yang Berusaha Rektor, taklimat 'Protokol dan Hal Ehwal Kesatria UiTM' turut disampaikan oleh Lt. Kol. Ujud Pabil (KEST), Penolong Pendaftar Kanan (Kokurikulum). Turut ditayangkan dua (2) buah video 'Sejarah Kesatria' bahagian 1 dan 2 yang dihasilkan oleh Komander Kesatria.

Majlis diteruskan lagi dengan sesi penyampaian surat lantikan semula kepada semua pegawai kehormat dan lantikan semula penasihat kompeni beruniform. Selain itu, acara penyampaian cenderahati kepada Lt. Kol. Mior Hishamuddin (KEST), Timbalan Pendaftar Kanan yang akan bertukar ke UiTM Cawangan Melaka turut diadakan. Di akhir majlis, satu sesi perbincangan dan soal jawab telah dilaksanakan sebelum sesi bergambar. Sekalung ucapan terima kasih ditujukan khas buat semua yang telah membantu menjayakan program ini secara langsung mahupun tidak langsung.

PROGRAM 10,000 LANGKAH.

Penulis: Dr Shafinaz Makmor

Pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan Kempen Berjalan 10,000 langkah sehari. Berjalan 10,000 langkah sehari secara tidak langsung memperkenalkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia memandangkan aktiviti ini tidak memerlukan sebarang kos berbanding aktiviti kecergasan yang lain. Dengan berjalan 10,000 langkah (bersamaan 6.5 kilometer) dikatakan dapat membakar sehingga 380 kalori.



Justeru itu, pada 16 Mac 2023, Unit Kesihatan, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran telah menjalankan 'Program 10,000 Langkah'. Program ini disertai oleh 75 orang staf yang terdiri dari kalangan pensyarah dan staf pentadbiran dan dijalankan di sekitar kawasan UiTM.



Di akhir program, diadakan perkongsian pengalaman oleh 2 staf yang telah berjaya menakluki Gunung Kinabalu iaitu Cik Nursuraya Saparudin dari Unit Kesihatan dan Puan Khairunisa binti Yazid dari Pejabat Bendahari. Dengan ceramah bertajuk 'Acute Mountain Sickness', Cik Suraya telah berkongsi tips bagaimana mengelakkan *mountain sickness* di altitude yang tinggi. Puan Khairunisa pula telah berkongsi persiapan latihan kecergasan sebelum dan selepas mendaki gunung dalam slot ceramah 'Akinabalu is Calling'. Rata-rata respon dari staf yang hadir adalah baik dan berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

KURSUS PENGACARAAN MAJLIS UNTUK PELAJAR SISWI

Penulis: Ts. Dr. Ahmad Faiz Bin Ghazali

Pelbagai program telah dijalankan demi penambahan nilai dan kemahiran pelajar UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat melalui pensijilan daripada organisasi autoritatif bagi tahun 2022. Ini merupakan program bagi petunjuk prestasi ke 34 (PI034) dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) di bawah seliaan Unit Pengurusan Kolej (UPK) dan *Non-Resident* (NR) yang dijalankan secara bersemuka. Program ini diuruskan secara langsung oleh Staf Residen Kolej (SRK) melalui penasihat utama program iaitu Cik Wan Noradila Wan Mohd Zain dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman C sesi 2022/2023.

Program pertama adalah "It's Easy to Emcee" merupakan program yang disasarkan kepada semua pelajar. Program ini telah mendapat perhatian khusus daripada para pelajar siswi Kolej Kediaman C.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Penyertaan terhadap kepada 200 orang sahaja. Walaubagaimanapun, disebabkan permintaan yang tinggi, penyertaan dibuka kembali dan para pelajar dibenarkan masuk sehingga dewan penuh. Program yang dianjurkan oleh Kolej Kediaman C ini telah berlangsung di Dewan Sri Peria pada 31 Oktober 2022. Turut hadir bagi memeriahkan majlis adalah Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP) Dr Basaruddin Shah Bin Basri.

BENGGKEL 'UPSKILLING MICROSOFT AND CANVA' TAMBAH NILAI PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN C

Penulis: Ts. Dr. Ahmad Faiz Bin Ghazali

Program 'Upskilling Microsoft & Canva' yang disasarkan kepada para pelajar kolej kediaman telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Program yang dianjurkan oleh Kolej Kediaman C ini, telah berlangsung di Dewan LT 1 (Bestari) pada 4 November 2022. Program ini diuruskan oleh Staf Residen Kolej (SRK) melalui penasihat utama program iaitu Puan Siti Fatimah Abd Talib yang juga merupakan Penolong Pendaftar dengan kerjasama ahli-ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman C (KKC) Sesi 2022/2023. Penceramah jemputan adalah termasuk Dr Mazida Ismail Pensyarah Universiti Teknologi MARA dan Puan Noreles Ali Pensyarah Kolej Komuniti.

Terdapat beberapa program telah dijalankan demi penambahan nilai dan kemahiran pelajar siswi di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Program yang telah dijalankan pada akhir tahun 2022 ini merupakan salah satu program di bawah petunjuk prestasi ke 34 (PI034) dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Majlis perasmian penutup serta penyampaian cenderamata kepada para penceramah telah disempurnakan oleh Ketua SRK KKC.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BPJIA

BAHAGIAN
PENYELIDIKAN JARINGAN
INDUSTRI & ALUMNI

2023

ANUGERAH BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI & ALUMNI, UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis: Nur Atiqah Abd. Hamid

Pada 19 Disember 2022, telah berlangsung Majlis Penyampaian Anugerah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni (BPJIA) bersempena Hari Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Johor 2022. Anugerah ini diwujudkan bagi menggalakkan staf UiTM Cawangan Johor bergiat aktif dalam aktiviti penyelidikan, jaringan industri, keusahawanan dan alumni disamping dapat mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan semua kakitangan.

Penganjuran anugerah ini juga mampu meningkatkan penghasilan penyelidikan dan penerbitan serta menggalakkan lebih banyak aktiviti bersama pihak industri dan komuniti. Para pemenang telah menerima piala, sijil serta wang tunai berjumlah RM200.00 bagi setiap anugerah yang dimenangi.



Senarai anugerah serta pemenang bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Anugerah	Pemenang
Anugerah Penulis Prolifik Artikel Akhbar 2022	Puan Tay Bee Hoong
Anugerah Penulis Artikel Akhbar Mainstream 2022	Ustaz Rafuddin bin Mohd Yusof
Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan 2022 (Sains Sosial)	Dr. Nor Azariah Fatimah binti Othman
Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan 2022 (Sains & Teknologi)	Puan Atiqah Hamidah binti Mohd Nordin
Anugerah Penyelidik Harapan 2022	Dr. Nor Azariah Fatimah binti Othman
Anugerah Kecemerlangan Inovasi 2022 (Sains Sosial)	Encik Syamsyul bin Samsudin
Anugerah Kecemerlangan Inovasi 2022 (Sains & Teknologi)	Ts. Dr. Mohammad bin Abdullah
Anugerah Kecemerlangan Penerbitan Berindeks 2022 (Sains Sosial)	Prof. Madya Dr. Noor Hanim binti Rahmat
Anugerah Kecemerlangan Penerbitan Berindeks 2022 (Sains & Teknologi)	Puan Intan Suhada binti Azmi
Anugerah Tinta Emas 2022	Encik Muhammad Zairi bin Muhammad Nor
Anugerah Kecemerlangan Jaringan Industri 2022	<i>The Development and Provider of Professional Program with My Iskandar Sdn. Bhd. (MISB)</i> Diketuai Oleh Ts. Dr. Ami Munira Binti Markom
Anugerah Kecemerlangan Khidmat Komuniti 2022	<i>Entrepreneurship in Action</i> Diketuai Oleh Encik Oswald @ Timothy Edward
Anugerah Kecemerlangan Keusahawanan 2022	Projek Kebun Angkat Penanaman Nanas Koordinator MASMED: Puan Rusnani binti Mohamad Khalid
Anugerah Publish & Cherish Terpantas 2022	Puan Zabedah binti Zaharum
Anugerah Khas Juli 2022	<i>The 7th International Accounting & Business Conference (IABC) 2022</i> Pengerusi IABC 2022: Dr. Rosmawati binti Haron@Harun

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KEMPEN 'DO GOOD CHALLENGE 2022'

Penulis: Mohd Fairuz Bachok dan Mohd Farid Misnan

Do Good Challenge

Good Virtues Co.
Establish Your Name!

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Campus Roadshow & Classroom Talk

x500 FREE SAMPLE

Universiti Teknologi MARA (UITM), Kampus Pasir Gudang

DATE	LOCATION	TIME
18 Disember 2022	Roadshow Ruang Legar Perpustakaan Tun Dr Ismail (P113) Classroom Talk Dewan Kuliah 200 (SK 200)	10:00am - 4:30pm 4:00pm - 5:00pm

Fun Games | Photo Booth | Talk Show | Skin Test

99.9%
FREE
SAMPLE X 500PCS

BODY | HAIR | FACE

Projek ini perlu dijalankan dan didokumentasikan untuk dibentangkan di peringkat akhir. Projek terbaik akan menerima RM30,000.00.

Pada 18 Disember 2022 yang lalu, siri kempen ke-22 telah dijalankan di ruang legar Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Kampus Pasir Gudang. Ruang pameran menempatkan beberapa stesen iaitu stesen sambutan, stesen-stesen cabaran permainan dalaman, stesen penerangan kempen, stesen sumbangan idea dan stesen pek hadiah. Ceramah bagi kempen ini telah diadakan di Dewan Kuliah 200 dan mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja dari para pelajar tetapi juga warga kerja Kampus Pasir Gudang.

Malaysian Youth Community (MYC) dan Good Virtues Co. (GVC) dengan kerjasama Pusat Jaringan Komuniti (CNC), Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), UITM telah menganjurkan kempen 'Do Good Challenge 2022' yang mana siri kempen ini bermula pada bulan Oktober hingga Disember 2022 dengan membabitkan 24 kampus UITM di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kempen ini bertujuan untuk membuka ruang dan peluang kepada pelajar UITM dalam menonjolkan idea kreatif serta inovatif mereka bagi membantu komuniti setempat dalam menangani permasalahan berkaitan isu-isu sosial masa kini, disamping, memberi pendedahan kepada pelajar UITM dengan aktiviti-aktiviti komuniti. Idea-idea kreatif ini boleh melibatkan projek pelajar yang sedang atau telah dijalankan, projek *Non-Governmental Organization* (NGO) atau cadangan perniagaan yang memfokuskan kepada isu-isu pendidikan, kesihatan, kemanusiaan, pemerksaan wanita dan alam sekitar. Individu atau kumpulan pelajar UITM hanya perlu mengisi idea mereka di laman web kempen ini. Peserta akan diberikan pek hadiah melalui resit dari laman web kempen setelah menghantar idea mereka secara atas talian. Sebanyak lapan (8) idea akan dipilih dan diberikan RM8,000.00 untuk dana pemula.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KEMPEN 'SOCIAL WELLNESS CHALLENGE 2023'

Penulis: Mohd Fairuz Bachok dan Mohd Farid Misnan

Kesinambungan dari kempen 'Do Good Challenge 2022' yang telah diadakan di Kampus Pasir Gudang pada 18 Disember 2022 yang lalu, *Malaysian Youth Community (MYC)* dan Persatuan Insuran Hayat Malaysia dengan kerjasama Pusat Jaringan Komuniti (CNC), Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), UTM menganjurkan pula kempen *Social Wellness Challenge 2023*.

Kempen ini juga melibatkan siri kempen ke kampus-kampus UTM di seluruh Semenanjung Malaysia. Kempen yang dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini bertujuan sebagai inspirasi dan cabaran kepada komuniti terutamanya golongan belia untuk menjalani kehidupan sosial yang sihat iaitu kestabilan dari segi fizikal, emosi dan kewangan. Bagi para pelajar, kesedaran kehidupan sosial yang sihat akan membantu mereka untuk menjadi graduan berintegriti dan memenuhi kehendak industri sebaik sahaja bergraduat. Motto kempen adalah 'No Fear of Missing Out' yang membawa makna menghayati kehidupan sepenuhnya dengan tanggungjawab terhadap keupayaan terbaik diri sendiri. Siri kempen bermula pada bulan Januari hingga Mac 2023.

Kampus Pasir Gudang merupakan kampus ke-2 siri kempen ini diadakan iaitu pada 5hb Januari 2023. Sepertimana kempen 'Do Good Challenge 2022', kempen ini juga membuka ruang pameran di ruang legar Perpustakaan Tun Dr. Ismail. Beberapa stesen dibuka di ruang pameran iaitu stesen untuk permainan dalaman mengenai kehidupan sosial, stesen cabaran fizikal, emosi dan kewangan kempen dan stesen penerimaan pek hadiah. Hadiah berupa wang tunai turut ditawarkan sebagai tarikan untuk warga kampus mengunjungi ruang pameran kempen tersebut. Kempen ini turut mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga Kampus Pasir Gudang.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



Sempena program *Manufacturing Excellence Week (MANEX)* yang dianjurkan oleh Synthomer Sdn. Bhd. dan diadakan di Synthomer NBR PG Plant, Pasir Gudang pada 27 Februari hingga 3 Mac 2023, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang telah dijemput sebagai salah satu institusi pengajian tinggi awam untuk sesi ceramah universiti. Bertemakan *PG NBR Journey to World Class*, Sekampung *Let's Do it*, objektif program ini adalah mendedahkan kakitangan Synthomer langkah-langkah untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui pelbagai program pengajian yang ditawarkan, memberi peluang kepada industri dan universiti untuk memahami sokongan yang diperlukan melalui pelbagai aktiviti supaya kolaborasi dapat dijalinakan pada masa hadapan serta membina hubungan antara industri dengan universiti.

Synthomer Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam mengeluarkan produk dan larutan bahan kimia yang berkualiti untuk keperluan harian manusia. Syarikat ini mempunyai 40 kilang dengan 5000 pekerja di seluruh dunia.

UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang telah menghantar empat (4) orang wakil dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Pusat Pengajian Siswazah, ICEPS dan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni (BPJI&A). BPJI&A diwakili oleh Penyelaras Inovasi, Ts. Inv. Dr. Mohammad Abdullah yang mempunyai pengalaman menjalankan kerjasama penyelidikan bersama industri. Sesi ceramah dari UiTM telah diadakan pada 1 Mac 2023 dan staf Synthomer Sdn. Bhd. turut melawat ke ruang pameran untuk mendapatkan konsultasi mengenai kursus pengajian yang ditawarkan. Ts. Inv. Dr. Mohammad Abdullah telah membentangkan mengenai latar belakang BPJI&A, potensi kolaborasi industri bersama universiti, industri-industri sama ada dalam negara mahupun antarabangsa yang telah menjalankan kerjasama dan geran penyelidikan industri. Sambutan dan maklumbalas yang baik dari pihak Synthomer Sdn. Bhd. diharapkan dapat diteruskan melalui kolaborasi rasmi pada masa hadapan. Semoga pengalaman ini dapat memberikan nilai tambah khususnya hala tuju kolaborasi UiTM bersama dengan pihak industri.

MANUFACTURING EXCELLENCE WEEK (MANEX)

Penulis: Mohd Fairuz Bachok dan
Dr Mohammad Abdullah.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

PENOLONG NAIB CANSELOR (KEUSAHAWANAN) TURUN PADANG KE UTM CAWANGAN JOHOR

Penulis : Norahizah binti Idros

Karnival Keusahawanan Zon Selatan dan *Business Matching @ KPT/ Entrepreneurial Strategic Collaboration (ESC)* di UTM Cawangan Johor (UTMCJ), Kampus Segamat telah dilangsungkan dengan jayanya pada 4 hingga 5 Januari 2023. Program ini telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta anjuran bersama *Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)*, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sains Malaysia. Di UTMCJ, program ini telah diselaraskan di bawah Unit Keusahawanan MASMED, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni.

Bersempena penganjuran karnival ini, Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang, Penolong Naib Canselor (PNC Keusahawanan) turut turun padang dan mengadakan lawatan rasmi buat julung kalinya ke UTM Cawangan Johor pada 4 Januari 2023. Turut hadir meraikan Yang Berbahagia PNC dan rombongan adalah Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dan Barisan Pengurusan Eksekutif Negeri. Antara aturcara lawatan rasmi Yang Berbahagia PNC adalah Perasmian Projek Kolaborasi Keusahawanan Toko Kopi *He and She Coffee* dan Perasmian *The Port*. Beliau dan rombongan turut di bawa ke fasiliti keusahawanan yang lain dan projek-projek penjaanaan pendapatan kampus. Yang Berbahagia PNC juga turut menjadi Panel Forum Karnival Keusahawanan Zon Selatan 2023. Forum ini turut disertai oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor UTM Cawangan Johor, Puan Norisma Mohd Ismail, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi, Puan Nooraidah Abdullah, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Ts. Dr. Rohana Zur, Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan MASMED UTM Shah Alam.

Antara aktiviti lain yang menjadi pengisian karnival tersebut adalah seperti jualan *food truck*, pameran dari agensi-agensi di bawah KUSKOP dan rakan strategik UTM Cawangan Johor, forum dan ceramah keusahawanan, pertandingan karaoke, persembahan busking dan aktiviti sukan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



SESI LIBAT URUS TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Penulis: Mohd Fairuz Bachok

Pada 15 Januari 2023, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 2, Bangunan Pentadbiran, Kampus Pasir Gudang, Sesi Libat Urus Kampus Pasir Gudang bersama dengan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Norazah Abd Rahman telah diadakan. Turut sama meraikan dan hadir ke sesi ini adalah Penolong Rektor, Dr. Haryana Mohd Hairi, Ketua-ketua Pusat Pengajian dan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJIA&A). Turut hadir adalah Timbalan Rektor (PJI&A), Dr. Faridah Najuna Misman.



Program ini merupakan siri lawatan rasmi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) ke seluruh kampus UiTM yang telah pun bermula pada tahun 2022 berobjektifkan penyebaran perkembangan terkini dan arah tuju penyelidikan UiTM. Sesi ini bermula dengan pembentangan latar belakang Kampus Pasir Gudang oleh Penolong Rektor. Kemudian, Timbalan Rektor (PJI) membentangkan latar belakang BPJIA&A dan pencapaian Kampus Pasir Gudang dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi dan perundingan.

Sesi perkongsian oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dimulakan dengan penerangan mengenai struktur dan fungsi Pejabat TNCPi yang terdiri daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), *Research Nexus UiTM (ReNeU)*, Penerbit UiTM, *Business Innovation & Technology Commercialization Center (BITCOM)*, Pusat Kecemerlangan (HiCoE/CoE), Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia (BPSM), Unit Maklumat Strategik (UMS), Unit Komunikasi Penyelidikan & Visibiliti dan Unit ICT (UICT). Entiti Kecemerlangan (EK) dan penyelidikan merupakan perkara utama yang ditekankan oleh beliau dan beliau sangat berharap Kampus Pasir Gudang akan mempunyai pusat kecemerlangan pada masa hadapan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) turut membentangkan berkenaan pencapaian UiTM Cawangan Johor dan beliau menggalakkan warga akademik untuk menghasilkan penerbitan setiap tahun. Bagi memudahkan proses penyelidikan, beliau mencadangkan supaya penyelidik merujuk kepada dokumen dan garis panduan yang telah ditetapkan selain mengambil peluang terhadap inisiatif-inisiatif yang ditawarkan oleh UiTM. Beliau turut menggalakkan warga akademik untuk memohon kenaikan pangkat dan memberikan beberapa tips untuk berjaya dalam temuduga kenaikan pangkat. Walaupun program ini dijalankan dalam masa yang singkat, namun begitu, ia telah berjaya memberikan manfaat yang besar kepada Kampus Pasir Gudang untuk terus membudayakan kecemerlangan penyelidikan supaya dapat meningkatkan kemajuan UiTM dan negara.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BAHAGIAN
PENTADBIRAN

2023

BICARA IMPAK : PERANAN UiTM DALAM MEMARTABATKAN KONTRAK SOSIAL NEGARA

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Binti Razali

Cabaran globalisasi dan perubahan ekonomi semasa tentunya sedikit sebanyak mengubah corak pemikiran anak bangsa Melayu Bumiputera. Bagi membentuk generasi yang holistik dari sudut pemikiran, perbuatan, kemahiran serta ilmu berteraskan susunan sahsiah dan jati diri bangsa sebenar, usaha-usaha ke arah pemeraksanaan perlu dilaksanakan dengan segera. Matlamatnya hanya satu iaitu menyemai serta membentuk jati diri berteraskan nilai-nilai murni, usaha serta taqwa bagi mempertahankan warisan, keprihatinan dan kecintaan kepada bangsa dan negara. Oleh itu, Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Johor telah menganjurkan Program Bicara IMPAK : Peranan UiTM Dalam Memartabatkan Kontrak Sosial Negara pada 2 Januari 2023 yang lalu. Bertempat di Dewan Karyawan 1 (DK1), bengkel ini disampaikan oleh Ts. Dr. Samsudin Wahab, Pengarah IMPAK UiTM sebagai penceramah jemputan. Program ini dianjurkan dengan beraspirasikan visi dan misi UiTM serta prakarsa daripada IMPAK. Program Bicara IMPAK ini diadakan agar staf UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat sedia maklum akan peranan masing-masing bagi memartabatkan lagi kontrak sosial dalam menjalankan pekerjaan seharian.



CERAMAH KESEDARAN DAN MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Binti Razali



Program Ceramah Kesedaran dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah bagi staf UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat merupakan program yang dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran pada 12 Januari 2023 (Khamis) bertempat di Dewan Karyawan 1 & 2 (DK1 & DK2), Blok Karyawan. Dengan tajuk 'Rasuah Dalam Sektor Pendidikan', ceramah telah disampaikan oleh Tuan Mohd Hassan bin Sulaimi, Penolong Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Negeri Johor.

Program ini dianjurkan bagi memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga UiTM yang dizahirkan menerusi lafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Sifat anti rasuah yang tinggi dalam jati diri seseorang penjawat awam amatlah penting dalam usaha memastikan segala halatuju visi dan misi kerajaan dapat dicapai dan dilaksanakan dengan jayanya. Setelah selesai program ceramah, majlis diteruskan dengan acara ikrar bebas rasuah yang telah diketuai oleh Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon di hadapan semua staf UiTMCJ dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Haji Azmi bin Haji Alias, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Negeri Johor.



Di sana padi di sini padi,
Itulah nama sawah dan bendang,
Di sana budi di sini budi,
Baru sempurna bernama orang.

Kalau ada pauh di daik,
Bawa sebiji ke Tanah Seberang,
Kalau ada budi yang baik,
Sampai mati dikenang orang.

Begitulah pantun yang ditujukan khas buat insan yang telah banyak menabur budi buat UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ). Sosok yang dimaksudkan adalah Timbalan Pendaftar Kanan, UiTM Cawangan Johor, Encik Mior Hishamuddin bin Ariffin. Satu Majlis Sekalung Budi Sejambak Kasih Timbalan Pendaftar Kanan UiTM Cawangan Johor telah diadakan pada 14 Februari 2023 (Selasa) bertempat di Dewan Karyawan 1 (DK 1), Blok Karyawan. Majlis ini diadakan bagi memberi penghargaan atas sumbangan dan komitmen yang telah diberikan oleh Encik Mior Hishamuddin bin Ariffin, sepanjang perkhidmatan beliau di UiTM Cawangan Johor. Beliau akan berpindah dan meneruskan tugasnya di UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah mulai 15 Februari 2023. Saat pertemuan berawal dengan kebaikan, maka akhirnya sebuah pertemuan dengan perpisahan yang memiliki kenangan yang indah. Selamat maju jaya buat Encik Mior Hishamuddin bin Ariffin di tempat baru.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MAJLIS SEKALUNG BUDI SEJAMBAK KASIH
TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Binti Razali

BPF

BAHAGIAN
PENGURUSAN
FASILITI

2023

BENGGKEL PENYEDIAAN *MyPortfolio*

Penulis: Maisarah binti Murad



Satu Bengkel Penyediaan *MyPortfolio* telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat selama dua hari bermula pada 15 hingga 16 Januari 2023 bertempat di *Trading Room*, Perpustakaan Tun Dr. Ismail 1. Objektif bengkel ini diadakan untuk menyelaraskan, melengkapkan dan memperkemas semula *myPortfolio* berdasarkan jawatan. Selain itu, bengkel ini juga mampu menambah dan memperkukuhkan pengetahuan kakitangan terhadap reka bentuk prosedur kerja dan carta alir dalam *myPortfolio* serta membantu kakitangan dalam melancarkan pelaksanaan *myPortfolio* di BPF.

Pemudahcara bengkel ini adalah, Puan Mimi Hasliah binti Mohd Shahari, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Johor. Melibatkan 34 orang penyertaan dalam kalangan ketua unit dan semua kakitangan BPF, penganjuran bengkel ini mampu meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan kerja setiap warga BPF. Malahan prosedur kerja menerusi *myPortfolio* dapat dijadikan dokumen rujukan di peringkat individu/jabatan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Laman Facebook Rasmi BPF UiTM Segamat.

PEMASANGAN KANVAS DI CERUN RUNTUH

Penulis: Nifarikhan Ghazali

Beberapa cerun di susur jalan keluar UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah terhakis dan runtuh. Runtuhan tanah ini menyebabkan jalan dan longkang di Kolej Si Manja Kini mengalami kerosakan. Keadaan boleh bertambah teruk jika kawalan segera tidak dilaksanakan di cerun tersebut. Salah satu cara bagi mengawal runtuhan tersebut adalah dengan memasang kanvas bagi menutupi kawasan yang mengalami runtuhan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

Oleh yang demikian, pada 27 November 2022 satu gotong-royong telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan kanvas di kawasan tersebut. Objektif pemasangan kanvas ni adalah bagi mengelakkan runtuhan yang lebih besar berlaku sebelum kerja-kerja penstabilan cerun yang sebenar dilaksanakan. Kerja-kerja penstabilan cerun ini memerlukan masa yang agak lama untuk dilaksanakan disebabkan kos yang tinggi dan kepakaran yang tiada di Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Johor.

TAKLIMAT PENSTRUKTURAN SEMULA BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI

Penulis: Masitah binti Basri.



Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) adalah bahagian yang bertanggungjawab mengawal dan menyelia dengan baik aset milik UITM Cawangan Johor (UITMCJ) serta merealisasikan hasrat universiti sebagai sebuah kampus simfoni alam. Peranan BPF juga penting dalam membantu organisasi untuk mencapai sasaran UITM sebagai *Globally Renowned University* (GRU) menjelang 2025.

Sebarang perubahan aktiviti utama kampus induk akan memberi kesan kepada bahagian ini. Oleh itu, BPF telah mengadaptasi perubahan tersebut dengan penstrukturan semula bahagian agar dapat memberi sumbangan yang lebih efektif, efisien serta memberi nilai tambah kepada universiti. Timbalan Pengarah BPF dan Jurutera Kanan juga sentiasa berganding bahu dari masa ke semasa bagi memastikan struktur organisasi ini dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik sekaligus memenuhi keperluan pelanggan bagi mencapai matlamat organisasi.

Selaras dengan keperluan tersebut, Timbalan Pengarah BPF telah memberi taklimat kepada semua kakitangan BPF pada 28 Disember 2022 (Rabu) yang lalu berkaitan perubahan struktur BPF setelah mengambil kira pembahagian kerja yang jelas serta mengintegrasikan unit-unit yang mempunyai pertindihan bidang tugas dalam menyedia dan mengurus fasiliti berkuat kuasa 1 Januari 2023. Melalui taklimat ini, beliau berharap staf BPF lebih komited, bertanggungjawab dan cakna dengan tugas masing-masing.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL 1 (PTDI 1)

Penulis: Khir bin Mohd. Shah.

Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat, telah menetapkan setiap bahagian/kolej/pusat/fakulti mesti mengadakan latihan pengungsian bangunan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun dan sekali dalam tempoh setahun di peringkat kolej. Ini bertepatan dengan arahan mengikut tuntutan statutori pihak berkuasa BOMBA dan Penyelamat Malaysia dalam memastikan semua penghuni bangunan mendapat latihan dalam aspek keselamatan kebakaran atau pun sebarang bencana alam. Latihan telah dikelolakan oleh JKKPN dengan kerjasama staf, pelajar dan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia.

Tujuan utama program adalah memberi pendedahan kepada semua pekerja dan pelajar supaya peka tentang prosedur yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran. Melalui penganjuran latihan ini diharap dapat meningkatkan kesedaran warga berhubung pematuhan dan langkah-langkah keselamatan sekiranya berlaku bencana. Pada 14 Disember 2022 satu latihan pengungsian bangunan di bangunan Perpustakaan Tun Dr. Ismail 1 (PTDI 1) telah dilaksanakan dengan jayanya. Secara keseluruhan latihan pengungsian bangunan telah berjalan dengan baik dan semua penghuni memberi komitmen yang positif. Adalah menjadi harapan agar latihan pengungsian bangunan ini dapat dilaksanakan secara berkala mengikut perancangan tahunan. Semoga ia menjadi amalan terhadap kepekaan bahaya bencana kebakaran sekiranya insiden tersebut benar-benar berlaku.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BAHAGIAN
INFOSTRUKTUR

2023



Bahagian Infostruktur telah merancang pelbagai aktiviti penyelenggaraan berkaitan makmal komputer mulai cuti semester bermula Februari sehingga Mac 2023. Antara aktiviti yang dirancang adalah menyelenggara komputer (PC Housekeeping), membersihkan makmal komputer dan mengecat grill pintu masuk makmal. Semua aktiviti ini akan dilakukan secara gotong-royong.

Sebanyak 18 buah makmal terlibat dengan aktiviti penyelenggaraan ini dan sepenuhnya dilaksanakan oleh staf Bahagian Infostruktur di bantu oleh kontraktor pembersihan UiTM. Aktiviti mengecat makmal komputer ini dirancang untuk menambah baik dan meningkatkan imej makmal komputer seterusnya menyediakan ruang pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Aktiviti telah dilaksanakan dengan jayanya pada 20 hingga 23 Februari 2023 bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.



Aktiviti gotong-royong mengecat semula grill makmal komputer Blok Ilmuan ini telah disertai oleh 9 orang staf Bahagian Infostruktur dan dibantu oleh 9 orang pelajar Latihan Industri dari Bahagian Infostruktur, Unit Komunikasi Korporat dan Unit Kepimpinan Pelajar. Kerjasama antara pelbagai jabatan ini dilihat dapat mengeratkan ukhuwah dalam kalangan staf dan pelajar seterusnya membantu universiti menyediakan infrastruktur kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih selesa kepada pelajar.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM GOTONG-ROYONG MENGECAT SEMULA GRILL MAKMAL KOMPUTER BLOK ILMUWAN UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT

Penulis: Mimi Hasliah Mohd Shahari

PEJABAT
BENDAHARI

2023

SESI PERKONGSIAN ILMU

Penulis : Umi Kalsom Hj Kamis

Ilmu menyediakan wadah bagi sesebuah organisasi untuk terus melestarkan setiap peluang yang ada dengan lebih kompetitif. Ilmu haruslah bersifat bebas dari sebarang pengaruh dan perlu seiring dengan perkembangan organisasi. Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat, mengambil inisiatif dengan memenuhi masa yang terluang melalui program bersifat perkongsian dan dirangka untuk pengisian sepanjang tahun 2023 yang dinamakan 'Sesi Perkongsian Ilmu'. Antara objektif sesi ini adalah bagi meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan setiap staf terutama dalam keupayaan fungsional operasi pejabat. Selain itu, sesi ini juga dapat memberi peluang untuk perbincangan berkaitan isu-isu kewangan universiti termasuklah penyeragaman solusi dan prosedur sebelum dikongsikan kepada seluruh warga UiTM Cawangan Johor. Sesi perkongsian ilmu ini merangkumi peraturan dan pekelling dalaman UiTM dan juga kerajaan persekutuan yang sedang berkuatkuasa dan diguna pakai.

Bil.	Tajuk perkongsian	Tarikh	Pembentang
1	Kawalan Peruntukan	16 November 2022	Encik Mohammed Affendy Mansor
2	Tuntutan Perjalanan Staf	12 Februari 2023	Encik Mohd Fared Mohammed Said
3	Penyediaan Laporan Nilain Prestasi Tahunan	12 Februari 2023	Encik Mohd Fairol Ismail
4	Tatacara penggunaan Borang PB 3/80 (Pindaan 1/2002)	21 Februari 2023	Puan Siti Fatimah Ali
5	Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat dalam Waktu Bekerja	21 Februari 2023	Puan Umi Kalsom Hj. Kamis



Berikut merupakan pengisian topik-topik yang telah dilaksanakan antara November 2022 sehingga Februari 2023.

LAWATAN JABATAN AUDIT NEGARA

Penulis : Noor Aida Ab. Bakar

Pada 3 Januari 2023, Jabatan Audit Negara (JAN), Negeri Johor yang diketuai oleh YBhg. Pengarah, Encik Mohd Shahril Yahya telah mengadakan lawatan ke UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat bagi membincangkan cadangan penambahbaikan nilai dan pengurusan kewangan termasuk kemudahan yang disediakan dalam kampus. Lawatan ini merupakan susulan dari hasil penemuan audit dalam proses auditan interim penyata kewangan UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Antara intipati penambahbaikan adalah berkaitan kemudahan kolej kediaman kepada pelajar. Pihak JAN mengusulkan beberapa cadangan penambahbaikan bagi memastikan setiap kemudahan kolej kediaman yang telah tersedia digunakan secara maksimum tanpa mengabaikan keselamatan dan tahap keselesaan kepada setiap penghuninya.

Dalam lawatan tersebut juga, pihak JAN disambut oleh Yang Berusaha Rektor, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon yang juga telah turut serta mengadakan lawatan tapak di sekitar kampus. Antara lokasi yang dilawati adalah Kolej Kediaman Zamrud dan juga tandas baharu di Dewan Seri Temenggong.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

LAWATAN PENANDAARASAN KE UiTM CAWANGAN PAHANG, KAMPUS JENKA.

Penulis : Umi Kalsom Hj Kamis dan Mohd.Fairol Ismail



Delegasi UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) yang diketuai oleh Yang Berusaha Rektor, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon telah mengadakan Lawatan Penandaarasan Ke UiTM Cawangan Pahang (UiTMCP) Kampus Jenka pada 13 Februari 2023 dan telah disambut oleh kumpulan staf yang diketuai oleh Yang Berusaha Rektor, Professor Ts. Dr. Mohd Ilham Adenan. Antara objektif lawatan tersebut adalah bagi meneroka keupayaan dan produk-produk perikanan yang dihasilkan oleh pelajar UiTMCP, Kampus Jenka yang boleh dimanfaatkan di UiTMCJ. Selain itu, sesi perbincangan dan perkongsian maklumat turut diadakan agar jalinan kolaborasi dalam pelbagai bidang dapat dikukuhkan di masa hadapan. Pelbagai bidang kerjasama berpotensi untuk diterokai oleh kedua-dua kampus ini terutamanya dalam aspek pengurusan kualiti dan kepakaran dalaman.

Melalui lawatan kerja ini juga, sesi perkongsian ilmu berkaitan pengurusan ladang, bidang pertanian dalam kampus dan pengurusan kem latihan dalam hutan turut disentuh. UiTMCJ juga berminat untuk menerokai bidang pengurusan latihan melibatkan pembinaan satu kem latihan dalam kampus bagi tujuan penjana pendapatan dan kemudahan fasiliti untuk kokurikulum pelajar. Turut serta dalam lawatan ini adalah Penolong Pendaftar Kanan Hal Ehwal Kokurikulum, Tuan Ujud Pabil yang turut meninjau pengurusan Kem Seri Gading dan pengurusan operasinya bagi cadangan implementasi di Kampus Segamat.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



UHEI

UNIT HAL EHWAL ISLAM

2023

PROGRAM AL-QURAN
DI HATIKU
UiTM CAWANGAN JOHOR,
KAMPUS SEGAMAT
Penulis: Amir Anuar Bin Ab Azis

Lembaran baharu tahun 2023, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat dimulakan dengan program yang diberi nama 'Al-Quran Dihatiku'. Program ini bertujuan untuk membawa suasana positif pembuka pagi dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, selawat dan doa harian. Aktiviti yang dijalankan ini terbuka kepada semua warga dan dilaksanakan pada setiap hari Ahad hingga Khamis bermula seawal jam 8.00 pagi sepanjang tahun dan diadakan di *Speaker's Corner*. Program ini dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) hasil cetusan idea Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr. Saunah binti Zainon.

Allah SWT berfirman: "Al-Quran ini menjadi panduan-panduan yang membuka mata hati manusia dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya)".
(Surah al-Jathiyah, ayat 20)

Kebebasan Al-Quran tidak dapat disangkal lagi sebagai rujukan dan panduan terpenting umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Oleh itu, amalan memuliakan kalam Allah ini berupaya memberi inspirasi dan pemangkin semangat bagi masyarakat Islam untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan di dunia mahupun di akhirat. Semoga dengan penganjuran program ini dapatlah staf mahupun pelajar membentuk budaya membaca dan mengamalkan Al-Quran sebagai panduan dan pedoman dalam menjalani kehidupan sebagai seorang hamba yang senantiasa bersyukur dan dirahmati Allah S.W.T.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM CERAMAH AMBANG RAMADHAN 1444 H/2023 M

Penulis: Luqmanul Hakim Bin Zaharullah.



Telah berlangsung Program Ceramah Ambang Ramadhan pada 21 Mac 2023 bersamaan 28 Sya'ban 1444 H yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI), UiTM Cawangan Johor bertempat di PTDI 1. Ceramah Ambang Ramadhan ini diadakan bersempena dengan kedatangan bulan Ramadhan Al Mubarak. Selain itu juga, program ini bertujuan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan memberi semangat kepada warga UiTM supaya menjadi hamba Allah yang istiqamah dalam beramal di bulan Ramadhan. Ceramah telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Abdul Somad bin Wagiman yang merupakan Guru Besar Sekolah Agama Buloh Kasap, Segamat. Program ini juga mendapat kerjasama yang baik daripada warga dengan penglibatan yang amat memberangsangkan sepanjang program diadakan. Semoga bulan Ramadhan tahun ini menjadi bulan yang terbaik untuk kita berhijrah menjadi warga UiTM yang beriman dan beramal soleh.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

UNIT
**KOMUNIKASI
KORPORAT**

2023

PAPAN TANDA BARU CERIAKAN KAMPUS UiTM CAWANGAN JOHOR.

Penulis: Iqlil Dhania Mohamad



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Seiring dengan mandat yang diberikan oleh Rektor UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Yang Berusaha, Profesor Madya Dr. Saunah Zainon dalam *Rector's Special Project 1 (RSP 1)* iaitu *UiTM Johor Visibility*, Unit Komunikasi Korporat telah membaik pulih serta menukar papan tanda dan sepanduk yang telah usang di sekitar kawasan kampus bermula Januari 2023. Imej dan penjenamaan merupakan salah satu cara pemasaran dan pengiklanan yang paling efektif bagi UiTMCJ. Bukan sahaja untuk tujuan perniagaan, pemasaran mahupun penyampaian maklumat, pembinaan imej yang baik mampu menarik dan mengekalkan bakat-bakat yang perlu.

Proses baik pulih ini melibatkan beberapa peringkat dan telah dilaksanakan dengan rapi mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui oleh semua pihak. Setelah proses reka letak mendapat kelulusan Yang Berusaha Rektor, unit ini tidak melengahkan masa untuk terus menjalankan projek ini agar kawasan kampus terlihat lebih segar dan bersedia untuk menerima tetamu. Kebanyakan papan tanda yang telah berkarat gantikan dengan yang baharu agar tidak mendatangkan masalah di kemudian hari.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Imej merupakan satu elemen yang dititik beratkan oleh sesebuah institusi. Pembinaan imej yang baik dapat menggambarkan potensi sesebuah institusi selari dengan matlamat, visi, misi serta kredibiliti institusi itu sendiri. Imej yang baik mampu menarik perhatian umum secara keseluruhan terutamanya bagi mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh itu, UiTM Cawangan Johor (UITMCJ) telah mengambil pelbagai inisiatif menambahbaik serta memperbaharui fasiliti-fasiliti utama kampus bagi memastikan keselesaan buat warga dan tetamunya.

Bermula Januari 2023, Unit Komunikasi Korporat menjalankan projek menambah baik imej di Lobi Bangunan Sri Bendahara memandangkan kawasan lobi tersebut merupakan pandangan pertama bagi setiap tetamu yang datang ke UITMCJ. Projek ini telah dilaksanakan secara gotong-royong dan mendapat kerjasama dari Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF). Papan-papan *showcase* telah diubah warna kepada warna korporat sebenar dan bingkai-bingkai gambar Pengurusan Eksekutif UiTM dan Negeri telah ditempah khas dengan warna yang lebih gelap bagi menonjolkan imej korporat sebenar. Semoga usaha-usaha sebegini dapat diteruskan di masa akan datang agar imej UITMCJ terus kekal segar di mata pemegang taruhnya.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



**PAPAN SHOWCASE DI LOBI
BANGUNAN SRI BENDAHARA BERWAJAH BARU**
Penulis: Iqlil Dhania Binti Mohamad



POLIS BANTUAN

2023

KURSUS ASAS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN.

Penulis: Khaeyrulraquib bin Mohd Sahr

Pada 15 Februari 2023 Unit Polis Bantuan bersama Bahagian Pentadbiran Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan Kursus Asas Kesedaran Keselamatan Perlindungan bermula jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang. Kursus diadakan secara bersemuka bertempat di DK 200, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Kursus ini merupakan kesinambungan program Taklimat Kesedaran Keselamatan Perlindungan yang telah dilaksanakan pada 16 Mac 2022 yang lalu.



Terdapat tiga sesi ceramah sepanjang kursus ini berlangsung yang merangkumi topik yang terdapat dalam Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) iaitu sesi pertama bertajuk 'Dasar Keselamatan Perlindungan', tajuk sesi kedua 'Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi, Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekitaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)', seterusnya sesi ketiga bertajuk 'Keselamatan Peribadi dan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan'.



Penceramah jemputan adalah daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Negeri Johor. Jabatan ini merupakan jabatan yang bertanggungjawab memastikan Buku Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dipatuhi oleh semua jabatan kerajaan dan penjawat awam di Malaysia. Penceramah yang terlibat adalah Pn. Nurul Farhana binti Abd. Rasid merupakan Timbalan Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Johor dan En. Mohd Khazrul Azli bin Mohd Saat merupakan Penolong Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Johor.

Setelah selesai sesi ceramah, majlis penutup telah dirasmikan oleh En. Mohd Khazrul Azli bin Mohd Saat yang turut diraikan bersama Yang Berusaha Dr. Haryana binti Mohd Hairi Penolong Rektor UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang. Semasa majlis penutup berlangsung, satu simbolik penyerahan Buku Arahan Keselamatan telah dilaksanakan bagi menunjukkan kesediaan komitmen dan tanggungjawab UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang dalam mematuhi Buku Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi. Majlis penyerahan dokumen telah disempurnakan oleh kedua-dua jabatan yang disaksikan oleh peserta kursus.



Antara objektif program adalah memastikan semua penjawat awam yang berkhidmat di UiTM Cawangan Johor mempunyai kesedaran dalam aspek keselamatan perlindungan. Selain itu, program ini mampu memberi pengetahuan mengenai kepentingan mematuhi Arahan Keselamatan yang dikeluarkan oleh Jemaah Menteri. Manakala komitmen majikan dan pekerja diperlukan bagi meningkatkan Kualiti dan Tadbir Urus Keselamatan Perlindungan di Jabatan-Jabatan Kerajaan terutamanya berhubung Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017), para 164 dan Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 3/2021. Peserta juga didedahkan dengan peranan dan fungsi Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK) Malaysia dalam memastikan Arahan Keselamatan dipatuhi oleh semua agensi perkhidmatan awam. Sekaligus, mewujudkan kesedaran sikap tanggungjawab individu berhubung keselamatan perlindungan di tempat kerja.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis

BICARA ILMU PEJABAT POLIS BANTUAN

Penulis: Basyirah Yusof

'ilmu tanpa amal ibarat pohon yang tidak berbuah'. Begitulah perumpamaan yang seringkali diketengahkan. Perumpamaan ini membawa maksud, sebesar mana pun sesuatu pohon, tetap tidak memanfaatkan kepada sesiapa pun sekiranya pokok tersebut tidak menghasilkan dan mengeluarkan buah. Menjadi tanggungjawab kita sesama manusia untuk saling ingat mengingatkan agar komuniti sekeliling kita sentiasa terjaga dalam landasan hidup yang baik. Bagi Pejabat Polis Bantuan, pembudayaan perkongsian ilmu telah menjadi salah satu aktiviti yang mengeratkan silaturahim antara anggota.

Pada tahun ini, Program Bicara Ilmu bakal menjadi medan perkongsian buat semua anggota mengali seberapa banyak ilmu yang boleh. Bertarikh 22 Mac 2023 (Rabu) satu program Bicara Ilmu telah diadakan pada jam 2.30 hingga 4.30 petang di Pejabat Polis Bantuan dengan membawa tajuk Akta 605. Perkongsian ini telah disampaikan oleh tiga (3) orang anggota iaitu Encik Nurhaseri Yusof dengan tajuknya 'Pengenalan Akta 605', manakala Encik Shahidan Ismail membawa tajuk 'Tata Kelakuan' dan Encik Mohd Razi Ab Rahim dengan tajuk 'Ketidakhadiran Tanpa Cuti'. Program ini akan diadakan pada setiap bulan dengan tujuan untuk mendedahkan/mengingatkan staf Pejabat Polis Bantuan dengan undang-undang dan peraturan sebagai penjawat awam.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PENDAFTARAN PELAJAR KE KOLEJ KEDIAMAN UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis: Basyirah Yusof



Melangkah ke universiti sudah pasti jauh berbeza dengan alam persekolahan. Rutin harian, kaedah pembelajaran, pergaulan, kebebasan, semuanya tidak lagi sama. Sebagai mahasiswa pelbagai cabaran yang mendatang akan menjadi 'guru' yang terbaik untuk mengenali potensi diri bagi persediaan ke alam pekerjaan pula. Oleh itu, pilihlah persekitaran dan rakan-rakan yang baik kerana ia mampu mencorakkan masa depan

UiTM Cawangan Johor telah menerima pendaftaran pelajar baru pada 10 dan 11 Mac 2023 yang lalu. Melalui persiapan yang rapi, seramai 25 orang staf Pejabat Polis Bantuan telah ditugaskan untuk membuat kawalan parkir, lalu lintas dan membantu semua tetamu bagi melancarkan pergerakan kenderaan ke kolej-kolej kediaman pelajar. Manakala pendaftaran pelajar lama pula adalah pada 17 dan 18 Mac 2023. Sepanjang berlangsungnya hari pendaftaran pelajar ke kolej kediaman pergerakan kenderaan dalam kampus lancar. Semoga usaha-usaha ini akan membantu meningkatkan imej dan kecekapan pelaksanaan perkhidmatan kepada semua pemegang taruh UiTM Cawangan Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGGKEL PENYEDIAAN SKT TAHUN 2023 PEJABAT POLIS BANTUAN

Penulis: Mohd Faiezal Bharum

Sasaran Kerja Tahunan atau singkatannya SKT merupakan elemen penting dalam Sistem Penilaian Prestasi bagi penjawat awam. Proses penyediaan SKT meliputi pelbagai aktiviti penting seperti perancangan tahunan jabatan, penetapan rancangan kerja setiap bahagian/unit dan sebagainya. Setiap perancangan yang dibuat haruslah dilaksanakan dengan teliti dan teratur. Ini membolehkan penilaian prestasi pegawai dilaksanakan dengan objektif, adil dan telus.

Bagi Pejabat Polis Bantuan, UITM Cawangan Johor, pendedahan serta kemahiran membuat SKT perlu ditekankan agar setiap anggota berada pada landasan yang tepat dengan keperluan dan perancangan jabatan. Oleh itu, satu Bengkel Penyediaan SKT Anggota Pejabat Polis Bantuan telah dilaksanakan pada 20 Februari 2023 bermula jam 10.00 pagi sehingga jam 1.00 petang bertempat di Makmal Komputer, PTDI 2. Kehadiran anggota adalah seramai 29 orang dan dilaksanakan secara bergilir-gilir bagi anggota yang sedang bertugas. Bengkel ini bertujuan memberi pemahaman kepada semua anggota berkaitan sasaran kerja tahunan disamping perbincangan berkenaan penetapan sasaran kerja tahunan 2023 yang perlu dilaksanakan. Anggota juga turut didedahkan mengenai sistem penilaian berdasarkan kompetensi.

Disamping itu, bengkel ini dapat memudahkan setiap anggota mengisi SKT melalui sistem HR2U. Pelaksanaan bengkel ini dibuat berkonsepkan mentor-mentee (KP14 memberi tunjuk ajar kepada KP11) serta perkongsian ilmu.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

UNIT
**PENGURUSAN
KUALITI**

2023

KURSUS AUDIT DALAM (KAD) 2023 UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis: Henny Hazliza binti Mohd Tahir dan Juyati binti Mohd Amin



Pasukan Audit Dalam berperanan membantu UiTM Cawangan Johor (UITMCJ) mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus kampus. Justeru itu, Kursus Audit Dalam (KAD) adalah penting bagi melatih juruaudit dalaman dengan ilmu, kemahiran serta tanggungjawab. Kursus ini disertai oleh staf yang terpilih dan kehadiran ke KAD ini merupakan syarat asas pelantikan sebagai juruaudit. Peserta turut dilatih bagi meningkatkan kefahaman dan kepakaran yang diperlukan dalam melaksanakan tugas pengauditan dengan lebih cekap dan berkesan.

Kursus ini telah diadakan selama 3 hari bermula 30 Januari 2023 sehingga 1 Februari 2023 bermula 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Bilik Aula Bestari, UITMCJ dengan kehadiran seramai 28 orang peserta. Sesi ceramah untuk kursus ini telah disampaikan oleh 2 orang penceramah daripada InQKA UiTM iaitu Prof Madya Ts. Dr. Ing Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi dan Dr. Razulaimi Razali, Ketua Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi.

Antara objektif pelaksanaan Kursus Audit Dalam ialah; meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bakal juruaudit dalaman, melatih dan membimbing bakal juruaudit dalaman UITMCJ dalam melaksanakan pengauditan secara profesional, berintegriti, berkualiti dan telus ke arah meningkatkan akauntabiliti tadbir urus serta membangunkan kepakaran dan pengukuhan pengetahuan audit dalaman.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, 82% mengatakan kursus ini adalah berjaya dan bermanfaat. Secara keseluruhannya, KAD dapat memberi banyak manfaat kepada UITMCJ bagi melahirkan juruaudit dalaman yang cekap dan cemerlang untuk menganggotai Pasukan Audit Dalam UITMCJ.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGGEL PENYEDIAAN & KEMASKINI SELF REVIEW REPORT (e-SRR) UiTM CAWANGAN JOHOR 2022

Penulis: Zarina Abu Bakar dan Diana Othman



InQKA UiTM telah mewajibkan semua Cawangan dan Fakulti di UiTM untuk mengemaskini *Self-Review Report* (eSRR) setiap tahun. Dokumen eSRR ini adalah antara dokumen utama yang menjadi rujukan pengurusan sesebuah cawangan dan telah mengikut keperluan *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA). Sehubungan itu, Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah menganjurkan bengkel melibatkan seramai 25 orang penulis *Self Review Report* UiTMCJ dalam penghasilan e-SRR UiTMCJ bagi tahun 2022. Bengkel ini turut dihadiri oleh Ketua Unit Kualiti, Puan Rahayu Sarman.

Bengkel ini bertujuan memberi taklimat gambaran penulisan dan bukti yang perlu ada dalam eSRR UiTMCJ. Ini penting bagi memastikan semua penulisan dapat diselaraskan dan menepati keperluan 4 Area dalam COPIA. Di bengkel ini juga, sesi perbincangan antara penulis-penulis mengikut Area bersama fasilitator yang dilantik telah dilaksanakan. Fasilitator ini adalah dalam kalangan penulis berpengalaman mengenai COPIA iaitu Ketua Unit Kualiti, Pengerusi Pematuhan Standard, Penyelaras MQA, dan Ketua Sistem Audit. Bengkel ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya di Bilik Aula Bestari, UiTMCJ pada 13 Februari 2023.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



TAKLIMAT KECEMERLANGAN OPERASI (OE) BERSAMA InQKA UiTM

Penulis : Zanariah Abdul Rahman dan Syaidatul Zarina Mat Din

Taklimat Kecemerlangan Operasi (*Operational Excellence, OE*) telah diadakan pada 31 Januari 2023 di DK1, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ). Objektif utama taklimat adalah untuk menambahbaik proses yang kritikal, meningkatkan kepuasan pelanggan, mengurangkan pembaziran dan mengoptimumkan sumber. Unit Pengurusan Kualiti berhasrat untuk mempergiatkan lagi pendedahan dan penyampaian informasi kepada semua staf pentadbiran terutamanya dalam kalangan pusat tanggungjawab (PTJ).

Peserta diperkenalkan dengan konsep kecemerlangan operasi serta diberi pendedahan mengenai teknik pengurusan kerja yang lebih bersistematik dan menjimatkan. Selain itu, sesi perkongsian ini juga diharapkan mampu untuk mewujudkan lebih banyak kumpulan berpotensi bagi menyertai pertandingan OE peringkat cawangan dan UiTM keseluruhannya. Sokongan pengurusan tertinggi dalam menjayakan aktiviti OE ini juga dizahirkan sendiri oleh Rektor UiTM CJ dengan meletakkan aktiviti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan OE sebagai salah satu inisiatif dalam Projek Khas Rektor (*Rector Special Project*) 2023-2024.

Taklimat ini telah disampaikan sendiri oleh Prof. Madya Ts. Dr. Ing. Shahrul Azam Abdullah (Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi InQKA) dan disertai oleh hampir 150 orang staf akademik dan pentadbiran. Adalah sangat diharapkan dengan sesi perkongsian ini, warga UiTM CJ dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan di masa akan datang.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Bengkel Pelaksanaan Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diadakan pada 28 Februari 2023 di Bilik Aula Bestari, UITM Cawangan Johor (UITMCJ) dan dihadiri seramai 20 orang juruaudit baharu EKSA bermula dari 9.00 pagi sehingga 5.00 petang. Bengkel ini merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi pendedahan serta panduan kepada juruaudit baharu EKSA, UITMCJ dalam melaksanakan audit di bahagian/unit/fakulti pada masa akan datang.

Penganjuran bengkel ini adalah rentetan daripada kekurangan pengetahuan dan pengalaman juruaudit EKSA memandangkan EKSA masih baru dilaksanakan di UITMCJ. Melalui penyertaan pada bengkel ini, peserta telah diberi penerangan dan penjelasan berkenaan selok-belok audit EKSA daripada Ketua Juruaudit EKSA UITMCJ yang berpengalaman iaitu Encik Mohd Hakimi bin Harman. Peserta bengkel juga telah diberi peluang melaksanakan sesi simulasi Audit EKSA ke bahagian terpilih dan mendapatkan pengalaman sebenar situasi sesi audit.

Antara objektif utama pelaksanaan bengkel ini adalah memberi latihan dan pendedahan tatacara audit kepada peserta bagi melayakkan mereka untuk dilantik sebagai juruaudit EKSA UITMCJ yang akan melaksanakan audit EKSA setiap dua kali dalam setahun.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGGKEL PELAKSANAAN PENGAUDITAN EKSA: KE ARAH PENSIJILAN EKSA MAMPU

Penulis : Husnizam Hosin dan Mohd Hakimi Harman



SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN RSP 4 KIK & OE : BANTU KAMI BANTU ANDA

Penulis : Siti Rahayu Sarman dan Norrita M.Rashid

Penyertaan Cawangan dan Fakulti UITM dalam Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) dan Kecemerlangan Operasi (OE) menjadi salah satu Petunjuk Prestasi (PI) tahunan yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Justeru itu, *Rector's Special Project* (RSP) 4: Bantu Kami Bantu Anda dilaksanakan bagi merealisasikan inisiatif membudayakan serta menyemarakkan aktiviti-aktiviti KIK dan OE di UITM Cawangan Johor (UITMCJ). Sesi Taklimat Pelaksanaan RSP 4 KIK & OE : Bantu Kami Bantu Anda telah diadakan pada 26 Januari 2023 bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari di Bilik Aula Bestari, UITMCJ dan telah dihadiri oleh fasilitator serta ketua-ketua kumpulan KIK dan OE UITMCJ.

Sesi taklimat ini dimulakan dengan kata-kata aluan dan amanat daripada Yang Berusaha Rektor UITMCJ. Kata-kata motivasi serta semangat kepada kumpulan KIK dan OE telah di titipkan oleh beliau melalui ucapannya. Selain itu, peserta diminta terus kekalkan momentum untuk berinovasi bagi menjayakan projek-projek inovasi yang telah dirancang.

Sesi diteruskan dengan Taklimat Pelaksanaan Projek RSP 4 oleh Penyelaras Projek, Puan Siti Rahayu Sarman dan Taklimat Pengenalan KIK dan OE oleh Pakar Rujuk KIK UITM, Puan Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman. Adalah amat diharapkan inisiatif ini dapat membantu kumpulan KIK menghantar penyertaan ke Konvensyen KIK UITM, membantu kumpulan OE mendaftarkan projek OE ke sistem OPIR InQKA seterusnya secara tidak langsung memenuhi PI universiti yang telah ditetapkan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



BENGKEL HANDS-ON PENDAFTARAN PROJEK KIK & OE KE SISTEM PRIME

Penulis : Siti Rahayu Sarman dan
Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Bengkel *Hands-On* Pendaftaran Projek KIK dan OE ke Sistem PRIME telah diadakan pada 01 Mac 2023 bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi di *CIMB Trading Room*, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) dan telah dihadiri oleh fasilitator, ketua dan wakil kumpulan KIK dan OE.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Pakar Rujuk KIK UiTM, Puan Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman. Tujuan utama penganjuran bengkel untuk memberi panduan kepada kumpulan KIK dan OE tatacara pendaftaran projek yang betul, langkah demi langkah ke sistem PRIME serta menyenaraikan dokumen-dokumen wajib dan lakaran karya yang perlu disediakan sebelum pendaftaran dibuat. Selain itu, bengkel ini juga adalah kesinambungan daripada sesi pertama perjumpaan kumpulan KIK dan OE bagi mengekalkan momentum untuk berinovasi seterusnya menjayakan projek-projek inovasi yang telah dirancang.

Adalah diharapkan melalui sesi ini, dapat membantu merealisasikan inisiatif membudayakan dan menyemarakkan aktiviti-aktiviti KIK dan OE sepanjang tahun di UiTM CJ. Sekaligus membantu melahirkan staf yang sentiasa berinovasi, cemerlang dan berdaya saing di peringkat global.

e-ADICITA | Edisi ke-2



PTDI
PERPUSTAKAAN
TUN DR. ISMAIL

2023

LIVE@PTDI BICARA PAKAR: MAKAN SIHAT, GIGI KUAT, ANAK HEBAT

Penulis : Roslan bin Mohd Nor



Live@PTDI melalui segmen Bicara Pakar menganjurkan satu webinar dan telah diadakan pada 19 Januari 2023 (Khamis). Program ini merupakan anjuran bersama Pejabat Kesihatan Daerah Segamat dan Perpustakaan Tun Dr Ismail UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Berlangsung selama sejam iaitu dari jam 10.00 hingga 11.00 pagi, segmen ini telah membawakan tajuk 'Makan Sihat, Gigi Kuat, Anak Hebat'.

Panel jemputan terdiri daripada pakar pemakanan iaitu Dr. Siti Nuraini binti Samsee, Pegawai Pergigian, Jabatan Pergigian Pediatrik, Hospital Segamat dan juga Puan Lai Sher Fang, Nutritionist, Pejabat Kesihatan Daerah Segamat. Manakala, moderator program pula adalah Dr. Wan Amir Azlan Bin Wan Haniff, Pensyarah Kanan Fakulti Undang-undang UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Webinar ini berobjektifkan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai penjagaan pemakanan yang sihat dalam kalangan kanak-kanak sekolah. Selain itu, cara dan kepentingan penjagaan kesihatan gigi bagi kanak-kanak juga menjadi topik perbualan di mana beberapa tip penjagaan gigi turut dikongsikan.

Kesimpulannya, pengambilan makanan yang betul perlu diamalkan dan dilatih bermula daripada usia kecil lagi agar risiko penyakit dapat dielakkan. Semoga masyarakat kita sedar bahawa penjagaan kesihatan hendaklah diutamakan kerana mencegah itu lebih baik daripada merawat. Program Bicara Pakar ini telah mendapat jumlah tontonan sebanyak 604 orang manakala di saluran YouTube UiTM Johor adalah sebanyak 41 jumlah tontonan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

OPEN DAY UNIT ARKIB UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis : Siti Rozana binti Mat Sanat

Buat julung kalinya Unit Arkib UiTM Cawangan Johor (UITMCJ), Kampus Segamat telah menganjurkan program *Open Day* pada 17 Januari 2023 bertempat di ruang niaga *Speaker's Corner*, bermula 10.00 pagi hingga 4.00 petang. Antara lain program ini berobjektifkan untuk menyokong Perancangan Strategi Perpustakaan UiTM 2023, berdasarkan agenda *Globally Marketable - Turning Globally Marketable Staff*. Selain itu, program ini turut mempromosikan peranan Unit Arkib serta memberi kesedaran kepada warga kampus bagi memelihara dan memulihara rekod penting UiTM yang bernilai arkib.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi memberi peluang kepada semua warga untuk melihat sendiri bahan-bahan arkib yang telah disimpan di UITMCJ. Selain menjadi pusat rujukan utama bahan-bahan bernilai arkib, pameran ini juga telah memperkenalkan kepada warga kampus mengenai 13 jenis Rekod Penting Universiti. Program ini telah mendapat sambutan hangat dari seluruh warga kampus dan lebih istimewa Prof. Madya. Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor serta Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) turut hadir memberi sokongan dengan membuat lawatan tapak dan menyaksikan sendiri aktiviti Program *Open Day*. Sambutan daripada warga UiTM Cawangan Johor juga amat menggalakkan dengan kehadiran sebanyak 150 rekod kehadiran.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



KLIK-KLIK UITMCSJ

2023

KARNIVAL KEUSAHAWANAN ZON SELATAN 2023
DAN BUSINESS MATCHING@KPT/ ENTREPRENEURIAL
STRATEGIC COLLABORATION (ESC)
4-5 JANUARI 2023



CERAMAH KESEDARAN & MAJLIS IKRAR
BEBAS RASUAH UiTM CAWANGAN JOHOR,
KAMPUS SEGAMAT
12 JANUARI 2023



MAJLIS REKTOR BERSAMA PEGAWAI
KEHORMAT KESATRIA UiTM CAWANGAN JOHOR
KAMPUS SEGAMAT 2023
7 FEBRUARI 2023



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA UiTM & MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT (MPS)

1 MAC 2023



PROGRAM SUKARELAWAN BANJIR UiTM CAWANGAN JOHOR

6-7 MAC 2023



MAJLIS MALAM APRESIASI MISI PASCA BANJIR SOUTHERN VOLUNTEER NEGERI

JOHOR@SEGAMAT

11 MAC 2023



PROGRAM JALINAN KASIH UiTM CJ KE
SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT TUNGGAL, JEMENTAH
14 MAC 2023



PERBARISAN PENUTUP LATIHAN INTENSIF BAKAL
KOMANDER (HBK) SIRI 37/2023 DAN LATIHAN
INTENSIF BRASS BAND (LIBB) SIRI 34/2023
17 MAC 2023



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
DAN SMALL MEDIUM ENTERPRISE
DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD (SME BANK)
29 MAC 2023



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI PERSATUAN
INTEGRITI BERTAULIAH MALAYSIA KE
UiTM CAWANGAN JOHOR
2 APRIL 2023



PROGRAM IHTIFAL ZAKAT SEDEKAH DAN WAKAF
(ZAWAF) RAMADHAN
11 APRIL 2023



MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN AGIHAN
BUBUR LAMBUK UiTM CAWANGAN JOHOR
17 APRIL 2023





الجامعة التكنولوجية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM Cawangan Johor

